

PEKERJA ASING
chedet.co.cc
May 27, 2010

1. Kita kerap mendengar berkenaan pekerja asing menutup peluang pekerjaan pekerja Malaysia. Saya amat bersetuju pekerja asing tidak dibenarkan masuk negara kita supaya pekerja kita dapat cari makan dengan mengisi tempat-tempat yang dikosongkan oleh pekerja asing.
2. Memang benar pekerja asing menyebabkan wang Malaysia mengalir keluar. Katanya tiap bulan satu bilion ringgit Malaysia dihantar oleh pekerja asing ke negara mereka. Ini boleh menjejaskan kewangan kita. Kita dapat menyelamatkan wang ini jika pekerja kita yang mengisi semua jawatan-jawatan dalam negara.
3. Walaupun saya bersetuju dengan dasar Kerajaan tidak membenarkan pekerja asing masuk Malaysia lagi, saya telah didekati oleh peniaga dan pengusaha Malaysia dan asing supaya dilonggarkan sedikit dasar ini.
4. Mereka merayu kerana setelah pekerja asing dihentikan tidak ada pekerja Malaysia yang sanggup bekerja walaupun akan dibayar gaji yang lebih. Syarikat Jepun pula menghadapi masalah kerana pekerja asing ditugas untuk kerja kasar yang tidak memerlukan kecekapan, bergaji rendah dan tidak diminati oleh pekerja Malaysia. Pekerja kita bekerja diperingkat atas untuk memproses hasil kerja pekerja diperingkat bawah.
5. Apabila tidak ada pekerja peringkat bawah, dan tidak ada pekerja tempatan untuk menggantikan mereka, maka kerja-kerja awal tidak dapat dibuat. Dengan itu tidak ada barangan untuk diproses oleh pekerja tingkat atas yang terdiri daripada orang Malaysia. Ini menjejaskan perusahaan Jepun. Kalau sudah tidak ada pekerja dan tidak ada produk maka mereka tentulah terpaksa hentikan perusahaan mereka.
6. Apabila mereka berbuat demikian pekerja Malaysia juga akan hilang mata pencarian.
7. Masalah ini melibatkan perniagaan di Langkawi juga. Kedai makan dan kedai bebas cukai sudah tidak ada pekerja. Apatah lagi larangan terhadap jabatan Kerajaan mengadakan kursus di Langkawi menjejaskan perniagaan hotel tiga bintang bahkan penjual buah di tepi jalan.
8. Saya percaya rakyat Malaysia tidaklah begitu keras hati sehingga sanggup melihat perniagaan dan pekerja Malaysia mengalami kerugian kerana tidak suka melihat pekerja asing bekerja di sini.

94 Comments

By THARIQAuthor Profile Page on May 31, 2010 5:31 AM

ASSALAMU ALAIKUM TUN.

PAST (AT YOUR TIME) AND NOW WHY GOVT CANT TAKE A GREAT DECIDE ABOUT FORIEGN WORKER? GOVT ANNOUNCE WANT REDUCE FORIEGN WORKER

AFTER SEVERL MONTHS THEY DOUBLE HERE. WANT REDUCE MEAN GOVT NEED TAKE FURTHER AUCTION OTHERWISE SILENTLY RELEASE VISA TO FORIGN WORKER MEAN HOW CAN CONTROL THE LIMIT. A GOVT MUST KNOW HOW MANY FORIEGN WORKERS NEED TO COUNTRY THEN HOW THEY INCREASE UP TO LIMIT? SENT BACK THE EXPERINCED WORKER INVITE NEW WORKER GOVT CAN TRY TO CHANGE THE RULE TO APPLY FOR PR BECUSE COUNTRY LOSS EXPERIENCED WORKERS AND DEVOLOPMENT. I REQUEST TUN CAN GIVE GREAT IDEA TO GOVT BCOZ STILL NEED YOUR HELP TO THIS COUNTRY.

ASSALAMU ALAIKUM TUN.

By FaisalAuthor Profile Page on May 31, 2010 4:15 AM

Salaams! I am from Sub Continent and great admirer of Tun. I have been following his blog since its inception. Very often he writes in Bhasha Malay which I can't understand. I want to learn Malay Language. Can anybody help me out as to how I can. I shall be anticipating suggestions at nisaf@live.com

Plz...

JazakallahKhairan

By emma49Author Profile Page on May 31, 2010 3:19 AM

Salam TUN,

...untuk menjadi seorang pemimpin negara, saya rase mmg akan pening kepala as, banyak issue perlu ditangani, dr issue ekonomi, masalah social, masalah alam sekitar, masalah dalaman party, masalah hubungan antarabangsa N etc2, yg semua perlukan kajian dan dicari solution -nyeee... tak boleh nak goyang kaki & berharap problems akan resolve sendiri ... kesian juga pada DS Najib!! (nasib baik TUN dah retired.. =D)

Masalah pendatang tanpa izin ini, boleh dikatakan issue lapuk, tapi still tergantung tanpa solution... sepatutnye kerajaan sudah awal2 buat kajian dan kumpul data/statistic.. barulah boleh nak buat forecast & strategies nak tangani masalah, jabatan2 yg berkaitan perlula pro=active sikit, bukannye tunggu rakyat complaint baru nak bertindak or DSN bagi kpi, baru nak deliver... berkhidmat untuk rakyat nie seperti berkhidmat untuk diri sendirik jugee.. so kenalah bagi yg d best!!! Tak gitu TUN??

Terbaru, sy baca on efforts by PGPO hantar boats ke Gaza, sy harap perjalanan misi ini berjaya dan diberkati Allah swt. Walau pon usaha tampak kechil tapi bak kata neil Armstrong, "That's one small step for [a] man, one giant leap for mankind." If perlukan lebih ramai volunteer, boleh sajerk nak contact saya... Insya-Allah... saya AVAILABLE...

OK, sampai sini sahaja... Terima kasih Tun... =))

Gud nites...

2.29 a.m.

missy_kay49@yahoo.com

By crunchiraAuthor Profile Page on May 30, 2010 11:46 PM

Salam.....

LARI TAJUK SKET....

Kepada semua bloggers..jgn lepaskan peluang utk menonton MUZIKAL TUN DR MAHATHIR di Istana Budaya...sempena bulan merdeka...cepat2 reserve tiket...huhu

Saya dan kawan-kawan satu umah dah siap beli..walau lambat lg kitaorg xnk ketinggalan.....

Belila kat ticket2u.com..

Thanx...

(Harap sgt dpt jumpa Tun..)

By zamanAuthor Profile Page on May 30, 2010 11:36 PM

Salam Sejahtera Tun dan Keluarga,

Tun saya selalu terfikir kalau lah Tun masih menjadi PM dan tak melepaskan kepimpinan kepada Pak Lah saya yakin jambatan bengkok telah pun terbina,justru itu perkara melepaskan tanah KTMB pun tidak timbul.Malah Malaysia akan menjadi lebih kukuh dan selamat.

Melepaskan kepimpinan negara kepada Pak Lah yang menjadi TURNING POINT di mana segala nya berubah dan merundum.Kalau lah we can turn the clock back?

Waktu itu saya merasakan waktu kritical di mana kedaulatan negara telah pulih,di mana negara tidak perlu lagi membeli air dari Singapura.Siapa sangka Pak Lah begitu.

Kepada DS Najib saya merasakan sokongan orang orang Melayu tentu akan menurun di sebabkan perkara sebegini.Saya merasakan DS Najib baru sahaja mejadi PM ada lah lebih baik DS Najib mengukuh dan menyatu kan kaum melayu dengan itu kedudukan UMNO dan DS Najib akan lebih kukuh.

Saya merasakan melepaskan Tanah KTMB ada lah begitu tergesa gesa kerana DS Najib baru sahaja menjadi PM.Belum tahu lagi PRU akan datang UMNO akan bertahan.Kalau lah kepercayaan orang orang Melayu Kepada DS Najib dan UMNO terrhakis UMNO akan tenggelam,belajar lah daripada Tun yang sangat berpengalaman.Kenapa tidak menunggu hingga PRU akan datang sebelum membuat keputusan?

Malaysia O Malaysia,

Tun May Allah Bless You

By HBTAuthor Profile Page on May 30, 2010 9:04 PM

Ayahanda Tun,

Sex Education means License for Prostitution?

In my Kawasan Taman area in KL, now there are 3 new shop lots transformed into no star Hotel similar to rumah tumpangan near Pudu jail and Sun Complex there.

Under Federal Constitution, prostitutes have the rights to vote.

No matter what the authorities do, prostitution, just like betting, can never be stopped with or without permits.

Good night Ayahanda Tun.

By samuraimelayu Author Profile Page on May 30, 2010 6:47 PM

SALAM KASIH DAN SAYANG
AYAHANDA RAKYAT TUN
IZINKAN,

By HBT on May 28, 2010 8:56 AM
Good morning Ayahanda Tun,

...

11. Due to globalization and internet's user friendliness, the young ones age 15 years above have their own formulated perception of X and Y generations. The X generations are those who are in the range 40 - 90 years old whereby LOYALTY to them are the UTMOST IMPORTANT value in sustaining their lifestyle. The Y Generation are the younger ones who favour BENEFITS, and they will ask WHAT ARE MY BENEFITS..... Remarks: X-axis = Horizontal/abg samuraimelayu, pls SOS me for this perkataan dalam Bahasa Melayu, Y-axis = Vertical/Menegak.....

'FORMULA' YANG ADIK HBT MAKSUDKAN DALAM BAHASA KEBANGSAAN ' 1 MALAYSIA ' (RAKYAT DIDAHULUKAN, PRESTASI DIUTAMAKAN) ADALAH;
X-paksi = Mendatar, Y-paksi = Menegak

JENERASI X = PAKSI TUNTUTAN MENDATAR, JENERASI Y = PAKSI TUNTUTAN MENEGAK

BEGITU LE AGAK KIRA-KIRA NYA...HEHE

WAWASAN 2020 BUKAN TITIK PENYUDAH BAGI JENERASI MENDATANG IA BERMULA

MULAKAN SEMANGAT BERSATU, BERGERAK SERENTAK MENJUNJUNG PANJI WAWASAN... MALAYSIA NEGARA MAJU 2020
DEMI K.A.M.I(KITA ANAK MALAYSIA INSAF)!

ALFATIHAH, AMIN.

By parameswara 2 Author Profile Page on May 30, 2010 4:34 PM

dear Tun,

Actually most of the jobs done by foreigners here are jobs they themselves may not want to do back home. They don't mind doing it here because nobody knows them-so they are not bringing dishonor but only remittances to the family. And while the pay is low so are their expenses-they can share rooms up to the max, share cooking costs and whatever else they can share.. And as they are mostly singles here they need only the public transportation.

It's not quite the same with the locals tho-even if they are contented with riding bicycles it's not going to be easy not to keep up with the Joneses. Hence the need of a better paying job to live up to this spouse pressure.

That's why locals are forced to do something else that pays more. If there are no such jobs then they'll do their own biz, at pasar malam, whatever. If they have no capital they'll earn commission selling insurance or unit trust. And if they are even bigger minded they will do network Marketing-that Robert Kiyosaki's Rich Dad profession of choice. Well not everybody is as lucky to know a PM and get appointed a GLC Chairman even tho you know nuts about biz.

It's not an option really for locals to earn more-because soon that most dreaded day will come-that cut down on subsidies-and things would cost at least twice more?

So let the foreigners stay on to do these things we don't want or can't afford to do .At least they are giving businesses to our cab drivers and the transportation companies. You'll never know ,with the inevitable rising cost -soon maybe we too will need to drive cabs part time to supplement our income. So have a heart for these foreigners and, bring in more?

By Saliz Ali Author Profile Page on May 30, 2010 2:11 PM

Salam Tun dan para pembaca,

Sebagai salah seorang pemilik restoran, saya amat tidak bersetuju dengan cadangan menghentikan terus khidmat pekerja asing walaupun pada hakikatnya isu2 yang Tun tulis itu ada kebenarannya.

Alasannya, pekerja2 tempatan terutama orang2 Melayu masih mempunyai sikap yang negatif terhadap kerja sebagai pelayan restoran. Yang paling ketara adalah kedatangan. Pekerja2 tempatan akan datang kerja sesuka hati mereka. Ahad datang, Isnin cuti, Selasa datang, Rabu berheti. Saya yakin jika ditanya kepada majoriti pemilik restoran, mereka akan memberikan jawapan yang sama.

Pernah saya ceritakan perkara ini kepada seorang pegawai di KDN ketika temuduga untuk kelulusan pekerja asing. Pegawai itu jawab, 'Itu kami tak tahu, kami hanya menjalankan tugas'.

Jadi saya harap agar kerajaan benar2 mengambil keputusan berdasarkan senario yang berlaku. Carilah formula yang terbaik untuk kebaikan semua rakyat.

By OrangLama Author Profile Page on May 30, 2010 1:45 PM

Salam,

Izinkan saya sambung lagi.....

Yang sebenarnya Singapura ini bergantung sangat kat Malaysia untuk "survival". Kalau nak berurusan dengan Singapura, kena fikir beberapa langkah ke hadapan. Kesan2 sampingan!

Ada banyak cara kita gunakan Singapura untuk kemajuan Malaysia ,ada banyak cara kita boleh buat depa melutut kat kita. Kalau orang Malaysia tak kerja kat Singapura,apa nak jadi kat depa? Yang fikiran pasif, pula fikir apa nak jadi kat orang2 Malaysia yang diberhentikan kerja di Singapore!

Kalau bukan Malaysia, kat mana lagi Singapura nak kembangkan industrinya dengan mengambil kira unjuran jangka panjang dari segi kos dan kestabilan politik. Negara ASEAN yang mana satu? Silap2 depa dapat lebih ,bak kata orang Putih yang kaki pusing

"kill Two Birds with One Stone".

Untuk makluman, pepatah ini berasal dari kata pepatah China iaitu

yi shi er niao (一石二鳥) bermaksud "satu batu dua burung".

ada satu lagi

yi jian shuang diao (一箭雙雕) bermaksud "satu panah dua burung"

Mari membaca. Amalan Membaca Menambah Ilmu.

By OrangLamaAuthor Profile Page on May 30, 2010 1:08 PM

Salam,

1***Pekerja asing dikatakan punca wang RM1billion keluar Malaysia*****

Mungkin betul. Tetapi kerajaan kena tengok berapa banyak wang negara dapat dijimatkan dengan kehadiran mereka sebelum mengambil tindakan seterusnya. Atau berapa banyak keuntungun tauke2 perolehi dengan menggaji orang asing jika dibandingkan dengan orang tempatan. Mungkin kerana gaji terlalu rendah punca rakyat tempatan tak minat atau buat kerja tak sungguh2 sebab tunggu peluang lain. Banyak tauke2 tak sediakan kemudahan perubatan, tak perlu EPF,SOCSSO dan lain2 bila guna pekerja asing. Lepas tu ada juga tauke yang "jahat", tak bayar gaji dan lapur pula kepada Pejabat Imigresyen kata tak ada pas kerja atau tak ada passport.

Kerajaan kena cari pekerja gantian misalnya, ramai sahabat2 kita di kampung2 Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang miskin2. Boleh latih depa dalam sektor pembinaan bangunan supaya dapat kemahiran2 dan terus buka perniagaan sendiri selepas itu. Yang perempuan dan OKU, tak boleh ke ambil depa kerja ramai2 di sektor perkilangan yang lain? Kenapa perlu pekerja asing? Murah sangat gaji kot?

Bagaimanapun atas dasar perikemanusiaan, kerajaan haruslah meneruskan pengambilan pekerja asing terutamanya pada kadar berpatutan.

2. ****Masalah Melayu "malas, lembik dan lain2 yang negatif" perlu jalan penyelesaian*****

Selalu kita duk dengar rungutan kelemahan sikap orang Melayu tapi kurang yang buat sesuatu. UMNO kena cari jalan penyelesaian kenapa kebanyakan pekerja atau kakitangan Melayu dikatakan malas bekerja. Adakah berpunca dari pihak atasan seperti kurang pemantauan, kurang motivasi dan lain2. Atau adakah berpunca kerana faktor luaran seperti banyak hiburan, masalah kesihatan, dan lain2 perkara? Kalau dibiarkan Melayu terus sebegini, DEB memang sukar berjaya. Kalau UMNO tak boleh lakukan sesuatu, nak harap siapa? Tak kan nak lepaskan tanggungjawab kepada PERKASA?

Masalah utama Melayu ialah kurang pemantauan. Saya pun dulu2 kurang pemantauan terhadap anak2 saya sehingga sukar dikawal. La ni saya dah tak ikut aktiviti turun padang UMNO, maka ada lebih masa untuk keluarga. Pensyarah Universiti dan Cikgu sekolah kurang memantau pelajar2 Melayu. Ramai Ketua2 Jabatan Kerajaan/Swasta tak ubah perangai seperti ketua Cawangan/Ketua Bahagian UMNO atau parti politik lain. Depa lebih berminat memantau gerakan bos yang lebih tinggi untuk kepentingan peribadi (bodek, mengampu) bukan kakitangan dibawah pengawasan mereka. Mungkin setahun sekali memantau dengan baca Sasaran Kerja Tahunan (SKT), itu pun entah teliti atau tidak, atau pilih kasih?

3. ****Tanah KTMB*****

Ikut Sejarah, Singapore Railway Transfer Ordinance of 25th October 1918, Keretapi Singapura dan TANAH2 kepunyaannya dijual kepada Keretapi Persekutuan Tanah2 Melayu berharga S\$4,136,000. Undang2 itu juga membenarkan pembinaan Tambak Johor. Lepas itu ada banyak revision, (Saya cuba cari cerita pajakan 999 tahun, belum jumpa lagi)

British bagi alasan nak bina landasan keretapi terus ke pelabuhan. Ada kemungkinan beberapa pemimpin Melayu zaman dulu desak Inggeris dapatkan pajakan tanah KTMB selama 999 tahun di Singapura kerana nak beri nafas untuk generasi kalau2 ada yang "otak geliga" akan datang buat sesuatu? 999 tahun itu lama juga, kalau dunia belum kiamat? Hang pa semua tak pernah fikir ke? Ker Orang Melayu zaman dulu sanggup mati mempertahankan tanahair, walaupun tak berpelajaran tinggi seperti orang zaman sekarang, niat depa suci dan ikhlas kerana Allah. Depa sanggup buat bermacam2 mempertahankan tanahair bukan macam kebanyakan Melayu parti pembangkang. Tak payah nak cerita belajar tinggi2 di menara gading, kalau tak boleh tolong bangsa sendiri nak buat apa? Sijil hanya tinggal kertas saja!

4. ****BN kena buktikan bahwa ia lebih baik dari Pakatan Rakyat****

Satu perkara baik yang amat menonjol ialah kerajaan Dato Najib adalah mengambil kira pandangan/maklum balas rakyat dalam membuat keputusan. Misalnya perkara subsidi, tanah KTM.

Jadi kalau2 apa masalah, rakyat sama2 kena bertanggungjawab terhadap keputusan yang telah diambil kerajaan. Berbeza dengan Pakatan Rakyat, banyak perkara depa buat terselindung dari kacamata rakyat.

Kerajaan mungkin kena tengok alternatif lain. Perluaskan dan mempertingkatkan sasaran Jabatan Kebajikan Masyarakat. Misalnya kerajaan kurangkan subsidi secara berperingkat pada masa sama diwujudkan 'family/Child/Health Benefits' dalam bentuk wang tunai secara bulanan kepada golongan berpendapatan rendah. Dengan cara ini yang kaya raya naik Mercedes pi main golf, pakai baju beratus ringgit, tak lah dapat subsidi gula, minyak, perubatan dan lain2.

Tingkatkan produktiviti negara, elakkan pembaziran. Kalau harga barang naik sikit tapi gaji naik, oklah. Jangan lah duk cerita rakyat pasai inflasi, bankrup 9 tahun lagi dan sebagainya. Cerita sikit2 bolehlah. Bukan ramai orang faham. Kalau faham pun, depa tak nak mahu faham. Duit ini sensitif. Pakatan Rakyat bagi janji palsu pun rakyat boleh ikut cakap depa nanti! Dulu depa minta rakyat bagi peluang sekali cukup untuk depa buktikan depa boleh lakukan. Mungkin motto kempen PRU akan datang untuk Pakatan Rakyat ialah "Tukar Kerajaan Semua Masalah Negara Selesai"

5. *****RAKYAT JANGAN PERCAYA PAKATAN RAKYAT*****

Rakyat Malaysia harus tolak Pakatan rakyat, perjuangan depa samar2, tak jelas. PAS terangkan dengan jelas2 kepada semua rakyat Malaysia isytiharkan Pakatan Rakyat akan melaksanakan Islam yang PAS perjuangkan? DAP terang betul2 kepada semua rakyat apakah dasar DAP terhadap orang Melayu dan Islam? PKR saya tak dapat nak komen kerana tak tahu apa yang depa perjuangkan. Jangan cakap berpusing2, memutar2. Jangan duk haramkan judi bola saja yang belum bermula lagi pun. Sepatutnya hangpa jangan baharui semua lesen "premis(kedai)" judi baru. Hangpa ada kuasa. Jangan duk pusing2. Kalau lilit serban pun ada penghentinya, misalnya ekor berjuntai, nampak jelas. PAS kena lilit serban betul2!

By paspros Author Profile Page on May 30, 2010 11:24 AM

salam Tun,

what barry wain is doing here (making money by giving talk in our university). why we let him in?. i think he's not a part of the recent bilateral agreement signed by malaysian and spore premiers. he is a racial terrorist and his words of doom may create tension among racial groups of this nation. even the US government does not tolerate a terrorist such as him to the US. so why are we letting him in?.

By imahadi Author Profile Page on May 30, 2010 10:24 AM

SALAM TUN DAN MALAYSIA,

SEMUA KAUM DI MALAYSIA HARUS BEKERJASAMA SECARA 'SMART PARTNERSHIP', TAK ADA PILIHAN YG LEBIH BAIK

NAMUN CADANGAN DSAI MAU BERI DAP TPM2 ADALAH SESUATU YG TAK WAJAR DAN BUKAN KEUTAMAAN PD MASA INI. UTK ORG MELAYU, SINGAPURA DAH SEJARAH, P PINANG ORG MELAYU MUNGKIN BUKAN KM LG UTK MASA YG LAMA ATAU SELAMANYA....

KALAU DSAI MAU MULAKAN LANGKAH KEARAH ITU, MEMANG MELAYU TAK HILANG DI DUNIA TETAPI HILANG TANAH MELAYUNYA.....

By MyLuvMalaysiaAuthor Profile Page on May 30, 2010 9:55 AM

Salam Tun,

Saya pernah terbaca yang ada negara yang menetapkan gaji minimum kepada pekerja warga asing. Penetapan gaji minimum ini dapat membuka peluang kepada rakyat malaysia dan pekerja asing. Persaingan sihat.

Siapa yang rajin, dia dapat kerja.

maka tiada lagi pekerja yang pergi minum pagi selepas ketip kad perakam waktu dan ekonomi negara pun akan membangun 10 kali lebih cepat berbanding negara-negara lain.

Malaysia Boleh!!!

By pakngah45Author Profile Page on May 30, 2010 7:58 AM

Salam untuk Tun,

Bercakap tentang pekerja asing, macam2 yang kita dengar, kadang2 mungkin ada betulnya juga sapertimana dakwaan pengilang2 tentang kelebihan2 pekerja asing tersebut apatah lagi segala dakwaan2 tersebut diterima begitu sahaja tanpa ada mana2 pihak tampil untuk membuat siasatan terperinci.

Kita juga sedia maklum bahawa NAWAITU yang menjadi nadi utama bagi setiap perniagaan itu adalah keuntungan! Bagi mencapai keuntunga tersebut bermacam2 cara akan dilakukan, diantara perkara utama adalah mengurangkan Kos Pengeluaran serendah2 nya, manakala Kos pengeluaran yang tertinggi pula adalah gaji pekerja + kemudahan2 lain yang disyaratkan oleh kerajaan (Kementerian).

Kita akan menjadi serba salah, mengambil pekerja asing akan menimbulkan rungutan dikalangan pekerja tempatan, manakala pekerja tempatan pula tidak sanggup bekerja disektor2 tertentu, contoh nya Sektor Perladangan dan binaan.

Sekian untuk direnongkan bersama...

By der AusländerAuthor Profile Page on May 30, 2010 4:47 AM

Dear Tun,

1. Most countries will be relying on foreign workers for years to come;
2. In 1990s, the intake of foreign workers was at record level in Malaysia;
3. A decade on, their numbers in Malaysia are still overwhelming;
4. On my recent trip to KL, I went to one of the flee markets around PJ;
5. One would not be surprised that 90% of the stalls are owned or operated by foreigners;
6. This flee market is located adjacent to a factory;
7. I noticed that the majority of the customers flocking the flee market were foreigners who work at the factory. That was my observation at one place and one visit;
8. I will not be surprised if the phenomenon is the same elsewhere in Malaysia particularly in KL;
9. The main problem is the control and I don't believe that there is a proper control on the intake of foreign workers to Malaysia;
10. The processes of handling the intake of foreign workers starting from the application point to the issuance/renewal/termination of work permits etc have to be toughened up and revamped.
11. The UK has introduced a point based system [emulating the system in Australia] for the evaluation/assessment/approval of work permit applications. The cost of every immigration related application has also been substantially/significantly increased;
12. Perhaps, the government of Malaysia should consider to adopt the same approach.
13. A friend of mine had decided to return to Malaysia recently as the hassle and cost of renewing of his work permit were simply too taxing and too expensive! I am sure his is not the only of such case.

By shafinazhAuthor Profile Page on May 30, 2010 3:37 AM

Tun,

Pemimpin-pemimpin kita sering bercakap mengenai Wawasan 2020, impian menjadi sebuah negara perindustrian maju dan akhir-akhir ini sebagai sebuah negara rakyat berpendapatan tinggi. Kerajaan bercakap mengenai mahu menjadikan negara ini sebuah negara maju tetapi pada masa yang sama kita juga nampaknya masih memberi tumpuan kepada tenaga kerja yang lebih bersifat labour intensive.

Adakah Wawasan 2020, rancangan menjadi sebuah negara perindustrian maju, negara rakyat berpendapatan tinggi ini hanya retorik politik semata-mata?

Saya teringat sebuah filem Inggeris yang dibintangi pelakon Michael Douglas yang mana pelakon ini yang memainkan watak seorang ahli perniagaan Amerika Syarikat yang berjaya, menyalahkan Kerajaan Malaysia kerana lebih memberi tumpuan kepada sumber tenaga pekerja yang murah dan tidak mahir sebagai punca kerosakan sistem elektronik yang dihasilkan oleh anak syarikat itu di negara ini.

Kerosakan itu telah menyebabkan syarikat induk tersebut di AS menanggung kerugian berjuta-juta dolar AS.

Saya tidak tahu sama ada hendak marah atau berasa malu dengan dakwaan dalam filem tersebut yang mungkin ada kebenarannya.

Tun, pengajaran daripada filem tersebut ialah adakah kita akan berbangga selama-lamanya menjadi sebuah negara yang mempunyai tenaga kerja yang murah dan tidak mahir?

Saya tidak setuju dengan pendapat pihak majikan yang Tun sebutkan bahawa walaupun gaji dinaikkan, pekerja Malaysia masih tidak berminat untuk bekerja di sektor perkilangan mahupun perladangan.

Jika kenaikan gaji itu hanya sekadar melepaskan batuk di tangga, sudah pasti tidak pekerja yang waras akan berminat untuk bekerja di kedua-dua sektor tersebut.

Jika pihak majikan benar-benar jujur, minta mereka naikkan gaji pekerja di kedua-dua sektor tersebut setanding atau lebih daripada pekerja kolar putih, saya pasti akan sesaklah sektor perkilangan dan perladangan di negara ini dipenuhi oleh pekerja tempatan.

Tun, sudah tiba masanya kita membuka mata daripada terus diperdaya oleh majikan asing yang akan cabut lari apabila kos di sektor perkilangan dan perladangan tidak lagi menguntungkan mereka.

Begitu jugalah di sektor elektronik, apabila ekonomi dunia tidak menentu, majikan asing ini akan melarikan diri ke negara lain dengan alasan tenaga buruh di negara ini lebih mahal daripada negara lain.

Kita bercakap mengenai mahu menjadi negara maju, tidak bolehkah sektor perladangan dan elektronik menggunakan jentera dan peralatan moden yang tidak bersikap labour intensive? Baru-baru ini, kerajaan bercakap mengenai rancangan untuk menghapuskan subsidi ke atas pelbagai barangan keperluan rakyat.

Seorang rakan saya berpendapat langkah kerajaan itu adalah bertentangan dengan kontrak sosial yang dipersetujui sebelum ini kerana ia merupakan tanggungjawab sosial kerajaan kepada rakyat berpendapatan rendah terutama masyarakat Melayu.

Saya berpendapat jika mahu menghapuskan subsidi, ia hendaklah didahului dengan keazaman di pihak kerajaan untuk melakukan anjakan paradigma dan berani menaikkan gaji pekerja sama ada di sektor awam dan swasta di negara ini.

Dengan gaji yang tinggi, rakyat akan dapat menampung kos kenaikan harga minyak dan barangan apabila kerajaan menghapuskan subsidi yang diberikan selama ini.

Pada masa yang sama adalah menjadi tugas kerajaan untuk memastikan golongan seperti petani, nelayan dan pesawah dapat pembelaan sewajarnya hasil daripada kesan penghapusan subsidi tersebut.

Bagaimanapun rakan saya mengemukakan soalan kepada saya, bagaimanakah kerajaan hendak memastikan sektor swasta juga akan menaikkan gaji para pekerja mereka jika kerajaan berbuat demikian pada pekerja sektor awam?

Rakan saya menambah, sedangkan menaikkan gaji pengawal keselamatan seperti yang diumumkan kerajaan baru-baru ini pun kerajaan tidak berupaya untuk menguatkuasakan undang-undang tersebut ke atas para majikan.

Tun, saya berharap kerajaan akan berfikir panjang sebelum menghapuskan sistem subsidi yang sedia ada supaya tidak membebankan kehidupan rakyat.

Beljarlah daripada Pilihan Raya Umum ke-12 yang lalu.

BN hampir tersungkur pada PRU ke-12 lalu bukan kerana Anwar Ibrahim popular atau kaum Cina merajuk sebab kerajaan tidak menunaikan janji kepada mereka, mahukan kaum Indin lebih suka kepada Hindraf tetapi kerana seperti kata mat salleh isu bread and butter.

Kekalahan BN adalah disebabkan kerajaan ketika itu tidak begitu sensitif dengan nasib rakyat marhaen yang merungut terhadap kesusahan yang mereka hadapi disebabkan kenaikan harga minyak yang mendadak.

Mungkin juga pemimpin-pemimpin UMNO dan BN terlalu sibuk di coffee house dan makan di hotel-hotel mewah untuk mendengar keluhan rakyat di kedai-kedai kopi dan pusat membeli belah terhadap gaji yang semakin kecil berbanding harga makanan yang semakin meningkat mendadak.

Era propaganda murahan seperti “kerajaan akan bankrap jika subsidi tidak dihapuskan” sudah berakhir kerana rakyat sudah menjadi cerdik lebih-lebih lagi pada zaman teknologi canggih sekarang.

Belajarlh daripada kesilapan dan beranilah membuat tindakan yang mendekatkan kerajaan di hati rakyat, bukan berlagak seperti majikan korporat yang hanya mahu menguntungkan diri mereka.

Dalam kita memuji kerajinan para pekerja Jepun melalui Dasar Pandang Ke Timur kita, mungkin juga kerajaan patut sesekali menengok ke belakang ke Barat mengenai bagaimana kerajaan mereka menjalankan tanggungjawab sosial kepada rakyat.

Yang akan mengundi terhadap pembentukan kerajaan nanti adalah rakyat marhaen dan bukan segelintir majikan asing atau tempatan yang mempunyai PR di negara asing apabila kerajaan tumbang pada pilihan raya nanti.

Salam tun.

By zemmy_azli Author Profile Page on May 29, 2010 8:15 PM

Assalamualaikum Tun,

Bertuah la kita kalau bebudak malaysia ni nak bekerja apa jenis pekerjaan pun, he he he. Bebudak kita malas nak bekerja. Pegi sekolah malas, belajar pun malas, berangan je yang kuat. Penyudahnya, lepak rumah je. Apa ada hal kan, sewa rumah tak payah bayar, makan dah sentiasa terhidang, itu semua emak bapak punya kerja, anak anak tak payah buat apa. Kalau kerja pun, kuat menyeleweng, tak kira la dari segi apa pun. Datang kerja lambat, balik nak cepat. Ada spare part lebih kat woksyop, boleh buat jual (enjin kapal terbang pun kena jual). Cuti sakit tu jangan kira la, memanjang ada je sakitnya. Berselisih sikit dengan bos atau pegawai atasan, nak bertumbuk je, macam la kebal sangat, ha ha ha. Bos cakap sikit, nak melawan. Kalau dah lama sikit kerja, mula la tunjuk gila kuasa, riak, bongkak. Jadi macam mana? Sebab tu la banyak tempat tak nak tawarkan jawatan kosong mereka kepada pekerja tempatan, terutama sekali yang melibatkan jawatan bawahan. Tak percaya? Pergi la cuba mintak kerja buruh kat tapak pembinaan, tengok, boleh dapat atau tidak.

Orang kita ni pun, nak anak mereka kerja yang hebat hebat belaka. Tak ramai ibu bapa yang tak kisah standard pekerjaan anak mereka. Kalau bebudak tu belajar tinggi sangat, takpe la kalau nak berharapan tinggi, ini sifir 1-12 pun tak hafal, susah la kan. Realistik la. Dunia ni memang macam ni. Takkan la semua orang nak jadi perdana menteri kan, kalau macam tu sape yang nak bancuh kopi? Gaji kecil? Rasanya tak la kecil sangat. Kalau cuci pinggan kat warong, kerja dalam 12jam, dapat la dalam RM25 sehari, makan minum free, okay la tu. Buruh binaan? Gaji besar tu, sampai RM80 sehari pun ada. Kerja buat batu nisan pun boleh mencecah RM200 sehari, paling kurang RM60. Jadi, tak kecil juga gaji peringkat bawahan ni, cuma kena la rajin rajin kerja, jangan memonteng.

Bebudak sekarang ni, tak ramai yang sanggup menanggung susah, semuanya nak senang,

maklum la, zaman picit je apa pun semua ada. Kalau dulu, orang kaya je boleh main komputer, sekarang ni, kalau ada 80sen pun boleh, pergi je ke cyber cafe, apa ada hal kan. Bebudak sekarang ni, perasan terlebih pandai. Kadang kadang kita yang dewasa ni, buat buat bodoh je, layankan dia orang.

Segala apa yang berlaku hari ini adalah kesan kecuaiian dan kesilapan kita di masa lepas. Buruh asing cuma mengambil kesempatan yang kita buang.

Tak semua orang baik dan tak semua orang jahat. Begitu juga tenaga kerja asing, mereka juga manusia, seperti kita, ramai yang okay tapi ada yang tak okay.

Peningkatan kes jenayah. Memang la ada pendatang asing yang merompak dan menyamun tapi kebanyakan kes ragut, samun, pengedaran dadah, pergaduhan, peras ugut dilakukan oleh belia belia kita yang malas nak bekerja. Ada yang menganggap penglibatan mereka dalam sesuatu organisasi yang lebih besar seperti kongsi gelap hanyalah sebagai 'cari makan' sahaja, ha ha ha ha. Hebat belia malaysia hari ini.

Maka, katakanlah, ditakdirkan suatu hari nanti, kita terlibat dalam satu peperangan yang amat besar, adakah kita akan mengupah pekerja asing juga untuk mempertahankan negara kita?
By Zulkiflee Bin AripAuthor Profile Page on May 29, 2010 8:15 PM

Assalamu'alaikum Tun,

saya berpendapat dalam soal pengambilan tenaga kerja asing,kita perlu meniru strategi jangka panjang S'pura dimana pemerintah nya begitu agresif mengambil pekerja asing sebagai benteng keutuhan pemerintahan mereka.selain keperluan membangun ekonomi,ia juga amat membantu kepentingan politik kerajaan.

sejarah masalah Malaysia bermula dgn pekerja-pekerja asing yg dibawa masuk oleh penjajah sebelum merdeka.hari ini anak-cucu pekerja-pekerja asing itu secara lancang mempersoalkan hak kita sebagai bumiputra.tapi itu tidak bermakna kita tak perlu atau tak mahu membawa masuk tenagakerja asing lagi.pekerja asing sangat perlu untuk membangun daya-saing rakyat pribumi.cuma kita perlu pilih pekerja asing dari mana yg hendak kita undang datang.

kini,setelah merdeka,kita punya pilihan untuk membawa masuk pekerja asing dari negara-negara Islam lagi bersahabat sebagai benteng penerus keteguhan kerajaan kita,yg sememangnya berhak berkerajaan di bumi kita sendiri.

tenaga kerja dari pelusuk lain Nusantara atau Bangladesh,Timur Tengah atau negara-negara Islam lain boleh menambah-kuatkan kembali kedudukan kita disamping mempertingkatkan daya persaingan orang Melayu dan umat Islam.

terimakasih Tun.

By 6 JahanamAuthor Profile Page on May 29, 2010 6:56 PM

Kerajaan yg pintar mempergunakan perkerja asing untuk membina negara,untuk kejayaan negara

seperti kerajaan Singapura yg dapat mempergunakan pekerja asing demi pembangunan dan dapat hasil levy yg lumayan dari titik peluh pekerja asing.

kerajaan yg lembab seperti malaysia hanya mengugat perkerjaan rakyat sendiri. Kepimpinan Najib memberi laluan Tanjung Pagar merupakan satu kelemahan yg amat memalukan.

Bodoh lama tak hilang bodoh baru timbul.....

Sememangnya orang Melayu Bangga dengan kebodohnya.

Sudah nyata, dah terang tak perlu di suluh.

By arikAuthor Profile Page on May 29, 2010 6:22 PM

Tok Det...Dulu di zaman saya sekitar tahun 80an dan 90an...mmg senang org mcm saya nak dpt kerja...lepas SPM...minta mana-mana kilang pasti dpt..tak payah bawa sijil....temuduga ..esok dah boleh start kerja..melainkan kalau saya ingin bekerja di pejabat sahaja...memerlukan sijil...seronok bekerja...kerana semuanya rakyat malaysia yg bekerja...walaupun gaji sekitar 350 rm sahaja..plus overtime..dpt 700 keatas..duduk disekitar kuala lumpur..

Berbeza hari ini....adik saya yg bongsu pernah memohon ingin bekerja tetapi susah...dia kata org syarikat kilang mmg sengaja tidak mahu mengambil pekerja dari Malaysia...Dan hari ini...rakyat pula dipersalahkan....kerana memilih kerja....Saya harap..Tok det jgn dengar dari sebelah pihak sahaja

By smallbossZAuthor Profile Page on May 29, 2010 5:55 PM

Salam Tun yang dihormati,

Pada pendapat saya untuk menghentikan pengambilan pekerja asing masanya bukanlah sekarang. Mind set rakyat kita perlu disogok dahulu sebelum menghentikan pengambilan pekerja asing kerana produktiviti semua bidang perusahaan tidak boleh dihentikan ataupun diperlahankan. Rakyat Malaysia perlu berubah supaya bangga dengan kerja mereka tak kira lah walaupun sebagai tukang sapu atau apa jua bidang. Sebagai mana mereka bangga bila berpakaian seksi atau hip hop atau berambut kuning. Dan masih seperti mana di zaman Tun menjadi PM dulu rakyat hanya bergerak bila kerajaan memulakannya.

Sebagai usahawan walaupun kecil, kita perlu memastikan produktiviti atau service perlu di deliver kpd client dgn profesional dan berkualiti. Pekerja tempatan sekarang ini seperti yang Tun ketahui, malah kakitangan kerajaan terutamanya sangat tak produktif. Kaedah yang paling berkesan adalah menjadikan semua kerjaya yang ada sebagai profesional dan boleh dibanggakan. Barulah rakyat kita berbangga dan tidak memilih kerjaya. Baru lah big atau smallboss tak menghadapi masalah di dalam memastikan produktiviti perusahaan mereka stabil serta dapat menyokong usaha menghentikan pengambilan pekerja asing.

Kalau fesyen barat yang ntah apa-apa tu dapat menyakinkan golongan muda kita untuk menguningkan rambut, mendedahkan tubuh mereka dan berpesta di malam minggu, pasti ada jalan untuk menyakinkan mereka untuk menerima semua bidang kerjaya dan mahir di dalamnya.

By FMAuthor Profile Page on May 29, 2010 3:17 PM

Pada pendapat saya, soal budaya kerja dan attitude sesuatu bangsa bukanlah sesuatu yg mudah untuk diubah. Jawapannya mudah. Kerana ia bukan melibatkan seorang, dua orang atau sekelompok kumpulan. Ia melibatkan hampir keseluruhan masyarakat. Orang melayu kena

berusaha lagi. Kalau bangsa lain bergerak maju pada kadar 10% setahun anda sudah pasti kena mengejar lebih pada dari itu. Soal melayu dengan politik tidak perlu dipertikaikan kerana itu adalah hak orang melayu yang sudah lama mendiami negara ini. Saya harap orang melayu jangan mudah mengaku kalah kerana saya sendiri sebagai orang sentiasa berusaha memperbaiki diri dengan harapan bukan sekadar saya yang berubah namun saya telah menambah seorang lagi orang melayu yang mahu berubah. Asasnya melayu jangan sombong...

By nazrimalik Author Profile Page on May 29, 2010 2:23 PM

Tun,

Nilai wang negara yang dihantar keluar oleh pekerja asing adalah RM1 bilion sebulan. Harap2 nilai wang asing yang dibawa masuk oleh pekerja kita di luar negara lebih daripada RM1 bilion sebulan.

Antara masalah pekerja tempatan adalah mereka suka lompat kerja (sama macam orang politik) untuk dapat gaji yang lebih menyebabkan banyak masalah dan kerugian pada majikan. Ada tak pekerja asing buat mcm tu?

Langkawi sudah ada asas yang kukuh untuk berdikari, terkenal dalam sektor pelancongan di seluruh dunia, disebabkan Tun. Rakyat dan peniaga2 di Langkawi perlu berterima kasih pada Tun, bukan merungut2 dan meminta2 lagi, mcm budak kecil.

Saya harap kerajaan tidak akan ganggu atau kurangkan subsidi minyak. Yang lain-lain tu nak nak batalkan pun tak apa termasuk tol.

Contohnya, kalau kadar tol dah naik, lebih baik bejalan naik bas, keretapi, k/terbang. Lagi selamat, selesa, murah lagi. Orang berniaga pun untung.

nazrimalik

By idea2009 Author Profile Page on May 29, 2010 2:20 PM

Salam Tun,

I am a restaurant owner and yes, I do agree with your views. it would be fantastic if we do really find local workers. After a series of advertisements and promotions, only one local is willing to work long hours in my restaurant and Alhamdulillah, he is still with me until now. He is only a waiter but he works hard. I offered him a reasonably high salary, profit-sharing, free accommodation and food. In spite of these benefits, there were no less than 10 locals who worked for me and quit within 7 days. When I asked them why, the answer was just this - long hours and cannot take the pressure...For those who do not believe me, well, set-up a restaurant and try to hire locals only WITHOUT going bankrupt within 9 months (if anybody can achieve that,i would really like to learn from that person).

i really have no other alternatives except to hire my relatives (which can be a really touchy subject) and also more foreign staff. In addition to my relatives, I also chose foreign workers to assist me as they work hard because they simply cannot afford not to. If they don't work hard,

they know very well they will be sent back as the survival of my business depends a lot on their services provided in my restaurant.

Whilst I do agree having locals are a lot better in the long run as I do not have to pay levies and other costs, but in the meantime, I have to make-do with foreign staff. I hope the government would not take harsh actions as we do need them now.

By lemand64 Author Profile Page on May 29, 2010 2:13 PM

Yang Berbahagia Tun,

Pemberian 1.2juta komputer kpd rakyat Malaysia menurut DS Rais Yatim.Bertuah sungguh menjadi rakyat Malaysia.

Dalam pada kerajaan berura-ura mengurangkan perbelanjaan,ada pula projek baru yang membabitka beratus ribu juta duit dibelanjakan.Soalnya adakah keperluan untuk laksanakan nya pada waktu ini.Saya berasa curiga adakah ada motif/agenda lain di sebelahnya.

Keperluan rakyat terbanyak sekarang ini ialah mengurangkan bebanan perserkolahan anak-anak,bil-bil spt insuran kereta motor melambung-lambung,yuran pengajian dan macam-macam lagi.Kebanyakan orang yang bukan kakitangan kerajaan sesak nafas sekarang ni.

Saya yakin jika dilaksana juga,yang tak perlukannya pun mahu.Boleh jual.Maklumlah dapat free...Ini yang selalu terjadi kerana perlaksanaan dan pengurusan yang lemah oleh kerajaan.Kita dah boleh agak apa akan berlaku.

Kesimpulannya,para menteri buatlah kerja dengan jujur,penuh kesedaran dan bertanggungjawablah dengan setiap langkah yang hendak dibuat.Isu Tanjung Pagar,Pulau Batu Putih,minyak dengan Brunei,jambatan Bangkok,air ke Singapura adalah renteten kegagalan demi kegagalan tanpa ada seorangpun menteri mahu meletak jawatan.

Ubahlah minda wahai pak-pak menteri.Jangan asyik salahkan rakyat malas dan memilih.

Masalah pendatang bukanlah kerana rakyat yang tak mahu kerja atau memilih kerja.perkara utama ialah KEBANJIRAN pendatang asing.Maksudnya dah tak terkawal dan berlambak-lambak.Seperti yang pernah saya utarakan komen terdahulu,pendatang INDON dengan caranya,dari Thailand pun lagi canggih.Kedai makan dari Perlis sampai Johor sudah mereka punya.Kerajaan hanya tahu belanja duit,kutip duit,lain-lain hal pandai-pandailah kalau nak hidup.Undang-undang ada,bila masuk TV baru boleh kuatkuasa.Lepas tu tidur...

Terima kasih Tun atas sumbangan tuan selama ini..

By Ceylonese Lawyer Author Profile Page on May 29, 2010 2:00 PM

Dear Tun,

It has been a while since I have been on your site.

This article is indeed timely. It puts a proper perspective into the question of the importation of labour. It also brings into sharp focus the need for mature and unemotional decisions to be made on a subject of vital importance. Let us face the facts as to why we use foreign labour-(1) it is to supplement the numbers we do not have (2) it is to supplement skills we do not have and (3) is to provide cheaper sources of labour to industries which cannot afford to pay more.

These are facts and realities. Let us not be hysterical about the whole issue. Labour is a factor of production it is a resources that can be acquired to make up a shortfall or for other strategic purposes. Therefore let us not assume, emotionally that every foreign worker in this country is taking the place of a deserving Malaysian. Let us consider the following:

1. We have industries that Malaysians have no interest working in but which are of strategic importance eg construction (Malaysians would be happy to hold engineering positions for example but not the position of general workers) or plantations which support a large rural economy and oleochemical and speciality fats sector.

We cannot for blind patriotism block out foreign workers from these sector. Nor can we emotionally say that a minimum wage be enforced without considering whether the margins on these businesses allow them to afford such levels of cost.

2. We have businesses that are location sensitive where the country seek to build up a critical mass eg Iskandar or Langkawi. In these areas the country needs a large number of workers immediately in order to fill a wide range of positions so tat the growth area in question can take off and be launched.

3. There are also sectors where competitive forces require a business to project an international image. A Malaysian company who has or is seeking worldwide business needs to present a multi-national image.

There is I admit an abuse in the issuance of permits for foreign labour. There is no reason why a hawker in Petaling street, needs to have an Indonesian or Bangladeshi to place items into a plastic bag when he was able to manage quite well before this. There is certainly no reason for the country to subsidize this worker for all that he consumes during his stay. If the food courts and hawker centers in Singapore can be manned by Singaporeans, there is no reason why we are or should be any different.

The point I wish to make is that, such matters cannot be discussed loosely and in abstract. There is a need for a specific consideration to be given to industries that are material to national development and the national or local economy and who need to be subsidized with foreign labour or who need to supplement their skills with foreign talent. This is a process that needs to be undertaken against a set of objective criteria and be properly policed so that decisions of policy is not left in the hands of individuals who will ultimately receive bribes in order to grant approvals.

We must realize that the entry of recourses into the country in (human resources included) is part of the country's economic policy. Therefore proper and mature consideration needs to be given to

any decision made. Such a policy cannot be dished out at the whims of politicians who are seeking to excite their MIC constituencies or who are seeking to appease their MTUC detractors. In other words it cannot be a matter that is left in the lap of the Human Resources Ministry. The Ministry of Finance and MITI must be in the driver's seat in any such decision. They must realize that a freeze in the wrong sector could lead to a collapse or the withdrawal of investment in that sector and the sequential collapse of the supporting industries.

My fear is that since Pak Lah came into office, we started to hear Minister's making frivolous and ill considered statements with such a frequency that one began to wonder if they even realized what they were doing. Today as in Pak Lah's time people who specialize in the power of the power point which seems to have exceeded and excelled over the power of the pen or the sword are making loose proposals which have such an influence over government policy.

Tun I hope you follow this issue closely and continue to provide a voice of reason where it is needed and as you always have.

By Khabilan SivaG Author Profile Page on May 29, 2010 1:25 PM

Tun,

Tanah kita banyak , plan2 kemajuan pun banyak , airport dan pelabuhan pun cukup, tmn2 industri pun banyak juga , dari segi kepakaran kita dalam kategori 'boleh tahan'. Tapi, yang tak cukupnya ialah pekerja. Khususnya operator pengeluaran , buruh kasar di ladang2 kelapa sawit dan getah dan dalam bidang pertanian yg lain.

Populasi kita hanya 25 juta(anggaran kasar) dan yang tergolong dalam kategori pekerja mungkin dalam 8 - 10 juta sahaja. Dan saya percaya ini tak cukup berbanding dengan infrastruktur tersedia ada.

Betul wang mengalir keluar tapi kita mesti ingat pelabur2 datang melabur sebab kita boleh offer low operation cost kerana menggunakan pekerja asing.

Perniagaan2 kecilan juga bertambah sebab adanya golongan ini untuk berbelanja. more money transaction within country.

Apabilah kita benarkan pekerja asing bekerja di negara kita, sebenarnya kita menambah kapasiti negara kita. Which is good. Bila ekonomi turun, kita boleh hantar mereka balik. Dan ambil semula apabila perlu saja. Tidak ada cost tanggungan. Which is healthy in view of busines.

Cuma satu sajalah yang yang nak cadangkan kepada kerajaan. Ketatkan undang2 yang tersedia ada iaitu 30% jawatan mesti diisi oleh pekerja tempatan. Kalau ini dapat pastikan rungutan orang2 kita boleh dielakkan.

Akan tetapi, GOLONGAN PEMALAS TETAP MENGGANGGUR WALAUPUN TIDAK ADA PERKERJA ASING DI NEGARA INI.

By Hajar Author Profile Page on May 29, 2010 1:12 PM

Salam YAB & diKasihi Tun,

1. Saya berpendapat kita masih perlukan pekerja asing. Namun demikian Kerajaan mesti mengawal kebanjiran mereka di Malaysia yang boleh dikatakan terlalu ramai. Yang perlu ditangani ialah PENDATANG ASING TANPA IZIN. Kerajaan perlu MEMANTAU dengan ketat pekerja-pekerja asing yang tinggal melebihi tempoh dan pendatang yang datang secara haram. Mereka ini yang selalunya membawa masalah.

2. Masalah sebenar orang Malaysia (terutama Melayu) ialah budaya tidak mahu melakukan kerja buruh kasar atau kerja yang mereka anggap kononnya "LOW CLASS". Pada pandangan saya, jika kelulusan kita tidak seberapa, janganlah terlalu MEMILIH KERJA – kena sedar diri sikit. Asalkan kerja yang kita buat HALAL sudah memadai. Yang ada kelulusan tinggi (ijazah) pula tidak mahu buat kerja-kerja yang layak untuk pemegang SPM saja. Saya pun pernah buat kerja yang kelulusan yang diperlukan cuma setakat SPM, walaupun kelulusan saya jauh lebih tinggi. Saya akan berasa AMAT MALU jika ada kelulusan yang amat tinggi, tapi masih meminta duit dari ibu/bapa. Orang kita kena UBAH SIKAP.

3. Saya harap Tun sentuh/komen tentang kenapa kebanyakan organisasi (Kerajaan dan Swasta) sanggup MENGGAJI pekerja mahir / pakar ("professional") dari luar negara dengan bayaran yang AMAT TINGGI (kadang-kala sampai 10 kali ganda atau lebih), dan pada masa yang sama membayar rakyat Malaysia yang melakukan kerja yang sama (malahan lebih lagi; dari pengalaman saya sendiri) dengan bayaran yang jauh lebih rendah.

4. Satu isu lagi ialah berkenaan isu SUBSIDI. Semasa Tun jadi PM, rakyat (terutama yg berpendapatan reandah & sederhana) berasa amat selesa kerana Tun sentiasa prihatin untuk MENDAHULUKAN RAKYAT tanpa BERSLOGAN bagai nak rak mengenainya. Dan, Tun sememangnya MENGUTAMAKAN PENCAPAIAN, tanpa membebankan rakyat. Inilah kelebihan Tun. Terima kasih Tun.

** Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga **

By jiwalaraAuthor Profile Page on May 29, 2010 12:48 PM

Assalamualaikum Tun dan semua muslim bloggers,

Pada saya, KDN sepatutnya berhabis habisan memastikan tiada seorang pun PATI di negara kita, kerana pada saya, itulah masalah teratas. Tapi persoalannya, mengapa tiada jalan penyelesaian untuk memastikan semua PATI pulang ke negara masing2, dan memastikan mereka tidak kembali?

Begitu juga, bagaimana untuk mengawal pemberian gaji kepada expatriate yang rata2 melebihi gaji eksekutif tempatan?

By rahimnaimAuthor Profile Page on May 29, 2010 12:29 PM

Assalamualaikum YAB Tun, semoga berada dalam keadaan sihat selalu.

The issue of foreign workers not only cause massive outflows but at the same time straining our

housing, medical, education and other infrastructure. subsidies that were meant for citizens also benefit the foreign workers.

However, there is no immediate solution. an attempt made after YAB Tun left office caused almost a standstill in construction, manufacturing and other smaller industries.

Nevertheless, the country cannot continue to depend on foreign labor and must find a solution.

It can be done, but it has to be done gradually sector by sector:

Firstly, action should be taken on the hawkers and small enterprises. Licences issued to Malaysians who flaunt them to foreigners should be terminated or fined.

Secondly, domestic help and restaurant workers should be Malaysians. In the event of domestic help replacement, cleaning companies should be take over the cleaning and nurseries or day care for the children.

Saya tidak duduk diam sahaja kerana beras di rumah semakin berkurangan. Tanpa rasa cuak saya datang ke sebuah restoran yang dahulunya sering saya kunjungi. Meminta kerja daripada taukeh restoran tersebut...taukeh restoran tersenyum sinis sambil berkata " Tukang cuci piring ada kekosongan lah;gaji Rm350.00" Saya menjawab " Taukeh...bila saya boleh mula bekerja? Saya betul-betul perlukan pekerjaan ini" Dia terpana dan terkeluar perkataan ini dari mulutnya..."Besok kerja".

Saya bekerja di restoran itu sebagai pencuci piring selama 5 bulan sebelum di tukarkan menjadi pembantu dapur....

Saya tidak lama sangat di restoran tersebut kerana mengambil keputusan untuk ke Singapura. Di Singapura pun saya bekerja sebagai pencuci piring di restoran seafood, East Coast Singapore. Gaji SD950.00(makan tengahari dan makan malam;percuma.) Dalam Ringgit Malaysia; gaji saya ketika itu sekitar RM1,800.00 (Anda nampak bezanya bukan.)Itu tidak termasuk 'Over time'.

Pekerjaan rencam apa yang tidak pernah saya lakukan di Singapura....pembersih kawasan sekolah dan tandas. Pembersih Shopping Mall dan tandas....pekerja kilang membuat roti dan karipap serta sekali lagi merangkap pembersih tandas kilang...rata-rata gaji di sini bermula dari SD900.00 .

Hujan Emas di negeri orang;Hujan batu negeri sendiri. Lebih baik negeri sendiri.Kembali semula ke tempat saya Ranau,Sabah.Bekerja selama 3 bulan di restoran dahulu;masih dengan gaji RM350.00 . Kemudian ke Keningau, Sabah; menjadi pembantu kedai peralatan telekomunikasi kepunyaan Salah seorang kawan lama saya.

Allah hanya 'menduga' manusia menurut kemampuan mereka. Saya kembali bertugas sebagai seorang guru pada tahun 2005 hingga sekarang.

Kita fikirkan bersama samada persoalan gajikah atau pandangan serong masyarakat yang menghalang rakyat Malaysia untuk melakukan kerja-kerja yang dianggap pekerjaan kelas bawahan. Daripada merompak dan menipu ; apalah salahnya menjadi seorang pencuci piring atau pencuci tandas.

Antara percaya dan tidak percaya bukan; Senang-senang datanglah ke Ranau. Saya sedia melayani anda dan dengarlah cerita daripada taukeh restoran tersebut dan rakan-rakan saya. Ranau ni indah... betul-betul di kaki Gunung Kinabalu. Banyak tempat menarik untuk di lawati.

Salam.

By pppz Author Profile Page on May 28, 2010 1:11 PM

Salam YAB Tun,

Sebaik-baik orang untuk diambil upahan (sebagai buruh) adalah al-qawiyu al-amiinu (kuat lagi boleh dipercayai) walaupun mereka itu pendatang atau pekerja asing. Malah Nabi Musa as juga boleh kita anggap sebagai pekerja asing di Madyan suatu ketika dahulu.

Kalau penduduk negara kita sendiri sudah malas untuk bekerja disektor yang terpaksa memeras tenaga dan keringat maka jangan kita cuba menghalang dan menyalahkan sesiapa yang sanggup melakukannya.

Adakah ramai penduduk kita sendiri terutama yang masih menggagur itu dari jenis manusia yang lemah dan tidak boleh dipercayai ataupun mungkin mereka terlalu memilih pekerjaan atau mungkin juga mereka itu masih belum berpeluang bekerja.

Walaupun pendapatan sebagai buruh binaan itu sedikit dan pekerjaan mereka sering dipandang hina oleh masyarakat kita secara amnya, sebenarnya dari usaha titik peluh mereka itulah telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan pesat pasarana di negara kita.

Setiap pekerjaan memerlukan pekerja-pekerja untuk mengendalikan tugas-tugas tertentu. Pekerja-pekerja samada mahir, separuh mahir atau tidak mahir itu mesti mempunyai ilmu serta berkebolehan dan kesanggupan menjalankan tugas yang telah diamanahkan.

Kalau manusia sudah tidak lagi berminat untuk bekerja maka sudah sampai masa tugas-tugas berat dan segala pekerjaan yang dipandang jijik dan hina patut diserahkan kepada makhluk lain (dari hasil kajian sains dan teknologi modern) yang sanggup. Pekerja atau buruh tidak semestinya terdiri daripada kalangan manusia sahaja yang penting mereka itu mempunyai kekuatan dan boleh dipercayai walaupun dengan sedikit upah dan ganjaran.

Wassalam.

By PangaitAuthor Profile Page on May 28, 2010 12:03 PM

Tun,

You were the PM at one time. The illegals landed in Sabah by the hundreds of thousands. Some later became citizens. I believe you were aware of this and had a hand. These people now are still living in abject poverty simply because the government took them only as a source of cheap labour and election votes without looking after their basic human need like any other citizen. They lived in squatter homes which at times subject to demolition. Their children do not get proper education especially on how to live like other Sabahans in respecting Law and order and civic consciousness. They grow up selling cigarettes, plastic bags, pushing carts, pushing drugs, selling banned turtle eggs, their bodies etc etc.

Today the hundreds of thousands of them were moved to new homes like the one in Telipok. You see them loitering around and at times fighting amongst themselves over clandestine business like drug pushing etc. Locals do not dare go into this area. It is just unlike our own country.

These are human like you and me. If Malaysia wants to keep them they must be raised up as proper citizens. Time can change them. They cannot be kept simply for their votes..it is totally a big sin to treat human that way...

I see no difference in these problem as those you mention on foreign labours. You want to look better in your opinion but your treatment to these so called PTI is no better when you were the PM.

By libzimAuthor Profile Page on May 28, 2010 11:51 AM

Sebagai manusia yang prihatin, kita sepatutnya membenarkan pekerja asing datang mencari rezeki di negara. Ini menunjukkan negara ini dilimpahi dengan rezeki untuk dikecapi oleh semua umat manusia dan mungkin juga makhluk lain. Di masa sebelum kita merdeka dulu pun banyak pekerja asing datang untuk mencari rezeki di negara ini. Tetapi kita mesti pandai mengurus negara dengan baik termasuk pekerja-pekerja asing ini. Kita boleh ambil sebagai contoh negara di Timur Tengah yang dibanjiri oleh pekerja asing dan juga mesti belajar dari kesilapan yang kita lakukan sebelum ini dengan tidak sewenang-wenang bersetuju memberi kerakyatan.

Kita mesti akur pekerja asing juga membantu membangunkan negara ini. Kita sepatutnya melayan mereka dengan lebih baik supaya mereka selesa untuk berkerja dan membantu membangunkan negara.

Saya tertarik dengan perkembangan di beberapa buah negara timur tengah yang nampaknya jauh lebih maju dari negara kita. Walaupun dibanjiri pekerja asing, masalah perkauman atau jenayah adalah terkawal atau pun tidak timbul lamgsung.

Masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara timur tengah baru-baru ini adalah disebabkan masalah kewangan global. Ini telah ulaskan oleh Tun banyak kali. Bukan disebabkan pekerja asing.

By loqueAuthor Profile Page on May 28, 2010 11:48 AM

salam Tun...

saya adalah pelajar dari salah sebuah IPTA di selatan tanah air, dan saya juga bukanlah dari kalangan jurusan yang menjurus ke arah politik bidang saya, tetapi apa yang saya lihat selaku pelajar IPTA zaman sekarang dan sebagai generasi bangsa Malaysia baru@anak muda baru kes pekerja asing ini bagi saya sejak saya kecil lagi. Tidak pernah selesai pun walau setahun. Mesti ada cerita mengenai pekerja asing dalam masa sebulan yang saya dengar@tonton di televisyen mahu pun radio. Apa yang hendak saya sampaikan adalah Malaysia mahu menuju ke arah negara maju, kos hidup semakin lama semakin tinggi malah saya yang belajar di IPT ini pun sering menghadapi masalah. Masalah pekerja asing ini harap dapat di selesaikan dengan orang kita sendiri itu sendiri berusaha mengambil alih kepakaran yang di miliki orang pekerja asing, malah Tun sendiri memberitahu kalau yang proses awal sudah tidak ada siapa melakukan bagaimana mahu menyiapkan proses-proses seterusnya. Malah saya juga ingin memberikan nasihat kepada pelajar-pelajar kita supaya cubalah berusaha berkerja sebagai kuli. Belajar bagaimana susahnya mencari duit walaupun di negara sendiri.

walaupun jadi kuli seperti pekerja asing tetapi pengalaman yang di peroleh adalah amat berharga, kerana pada masa sekarang saya percaya ramai anak-anak muda sebaya dengan saya tidak pernah mengenal erti pahit jerih mencari rezeki d tengah panas berjalan di bangunan-bangunan malah memotong kayu menggunakan gergaji pon saya tidak yakin ramai anak muda mahu buat.

kita jika hendak gah di mata dunia dan mahu di hormati oleh negara luar, cubalah berusaha dari bawah@akarnya, kerana semua orang tahu tiap-tiap perkara itu bermula dari akar, sudah menjadi hukum alam kita bermula dari bawah, InsyaAllah jika izin tuhan kita akan berjaya juga.

By www.mycenderahati.com Author Profile Page on May 28, 2010 11:33 AM

Assalamualaikum...

Saya mencadangkan pelajar2 IPT diwajibkan menjalani latihan praktikal sekurang2nya 6 bulan-1 tahun di tempat2 seperti kilang2, restoran, pasaraya besar, stesen minyak dsb yg pada masa ini banyak menggunakan pekerja asing. Selain utk tujuan pembelajaran, mereka juga akan mendapat pengalaman bekerja dari bawah. Secara tak langsung boleh kurangkan pekerja asing. Bila dah grad mereka sudah ada pengalaman dan mempunyai dayasaing sbb dah tahu susahnya mencari rezeki. Kalau x paksa mcm ni mereka takkan tahu. Skrg ni bila dah grad-pengalaman takde, hutang banyak. nak kerja dari bawah xnak fikir2 kan lah....

By ayeop Author Profile Page on May 28, 2010 11:08 AM

Salam Tun...

Saya bersetuju dengan kerisauan Tun berhubung hal kebanjiran pekerja asing di negara kita.

Tedapat beberapa aspek yang perlu diambil kira.

Pertama...kadar upah yang secara relatif rendah berbanding kos hidup yang semakin meningkat menjadi punca kurangnya tarikan kesektor-sektor tertentu khasnya sektor perindustrian di negara ini...perlu kita ingat pekerja asing yang bekerja di negara ini tidak mempunyai 'liabiliti' ke atas aset dan tanggungan lain seperti rumah, bayaran ansuran kereta, persekolahan anak-anak dan perbelanjaan lain...ia berbeza dengan pekerja tempatan yang mempunyai pelbagai tanggung jawab...oleh yang demikian perlaksanaan gaji minimum sewajarnya dipertimbangkan secara serius oleh kerajaan. Jika negara lain boleh melaksanakannya...mengapa kita tidak...

Kalau kita mengikut teori ekonomi 'kemewahan' yang dinikmati oleh rakyat ini akan kembali semula ke 'akaun' negara dalam bentuk perbelanjaan oleh masyarakat...semua orang tahu dengan

kitaran ini...tapi kita terlalu berhati-hati sehinggakan kita lupa dalam masa yang sama kita membiarkan masalah ini terus berlarutan...

samada 'kemewahan' ini dijemakan dalam bentuk perbelajaan atau tabungan oleh rakyat ia pada akhirnya akan menjurus kepada kesejahteraan ekonomi negara kita...

By swimmerAuthor Profile Page on May 28, 2010 10:49 AM

Assalamualaikum and good day,

Saya ingin memberi pendapat saya sebagai majikan sebuah gerai makan yang bertempat dalam sebuah kompleks perniagaan.

a. Saya telah mematuhi peraturan yang di tetapkan iaitu mengiklankan peluang pekerjaan sebelum memohon pekerja asing. Usaha ini telah saya lakukan selama 6 bulan melalui perlbagai bentuk media.

b. Berikutan itu saya telah mendapat kelulusan JTK negeri dan telah bersusah payah saya ke Putrajaya dengan harapan. Tetapi hampa. Tidak diluluskan dan alasan tak di terangkan.

c. Saya telah menghantar email kepada KSM memohon penjelasan mengapa permohonan saya di luluskan di peringkat negeri tetapi tidak di Putrajaya. Dimana yang tidak betul. Saya jugak meminta diterangkan mengenai dasar baru dalam pengambilan pekerja asing tetapi email tak berbalas walaupun dasar KSM membalas email dalam masa 3 hari.

d. Berikut adalah sebab mengapa saya memohon pekerja asing :

i. Pekerja tempatan tak berminat bekerja di kedai minum/makan walaupun dengan gaji yang tinggi.

ii. Terlampau banyak kerenah disiplin pekerja tempatan. Contohnya datang lambat, malas dan ponteng kerja dan banyak lagi.

iii. Suka melompat kerja.

e. Job Malaysia yang diwujudkan jugak tidak memberi makna dalam mencari pekerja kedai makan/minum.

f. Akhirkata , yang di atas tu fikir-fikirlah tentang yang di bawah kerana sebab yang di bawah inilah ujudnya yang di atas.

Sekian terima kasih.

By senkyunanarokuAuthor Profile Page on May 28, 2010 10:41 AM

Why so difficult simple ,

comment berjela buang masa .

skrg kita tidak mahu perkerja asing berkerja dimalaysia dan kita mahu pekerja malaysia memenuhi jawatan jawatan tersebut.

go back to look east policy , di jepun untuk berkerja ,kerajaan jepun membuat institusi perkerjaan dimana ramai orang jepun kesana dan mencari peluang perkerjaan dan kounseling perkerjaan. Untuk company besar atau company domestic mereka akan buat campaign atau sesi interview di mana mana sport untuk mencari tenaga buruh serupa macam mencari bakat mentor di tv3 .Jadi semua perkerja jepun mendapat peluang yang sama, tidak perlu samaada memanggil pekerja dari china utk berkerja disana .lagi pun pekerja dari china selalu membawa masalah disana dijepun.

utk construction site simple, contractor mesti ada lesen dalam lesen tersebut ditambah undang undang untuk bahawa semua contractor dimestikan untuk membuat tranning pada pekerja baru dan menghantar mereka untuk tranning. mereka perlu membuat sesi meramah mesra dengan pekerja sebagai contoh rumah terbuka atau party utk pekerja supaya pekerja rasa senang dan happy berkerja dengan mereka setiap bulan.contractor boleh buat ini,dari beli BMW baru 5 series.statement ini nampak macam bodoh tapi kalau tak cuba siapa lagi nak cuba.

bukan susah sangat pun ...

By Bil FagehAuthor Profile Page on May 28, 2010 10:16 AM

Salam buat Tun yang saya amat hormati dan sanjungi,

Saya separuh setuju dengan pendapat Tun. Ya, memang benar kehadiran pekerja asing menyebabkan pengaliran keluar matawang kita. Tetapi yang menjadi isu adalah ada sesetengah jenis perkerjaan gagal menarik minat pekerja tempatan untuk berkerja. Paling ketara adalah dalam sektor perladangan. Sektor ini pada hakikatnya mengalami masalah kekurangan tenaga kerja yang amat kritikal dan melibatkan kerugian tidak kurang dari 0.75 billion sebulan disebabkan buah sawit buruk di atas pokok kerana tidak dituai. Dengan pertambahan keluasan penanaman sawit setiap hari tanpa pengurusan tenaga kerja yang cekap serta halangan kerajaan untuk majikan mengambil pekerja asing bagi menampung kekurangan tersebut, bencana tersebut akan mendatangkan kemudaratan yang besar terhadap pendapatan negara.

Kerja menuai tandan sawit adalah suatu kerja yang berat dan ini merupakan punca utama mengapa pekerja tempatan tidak berminat untuk bekerja sebagai penuai. Malah, jika ada pekerja tempatan yang bekerja sebagai penuai, produktiviti mereka adalah separuh dari kemampuan sebenar pekerja Indonesia. Disamping itu, niat pekerja tempatan untuk bekerja disektor perladangan bukan semata-mata inginkan perkerjaan, tetapi sekadar ingin mengecapi kemudahan perumahan, api dan air percuma yang disediakan oleh majikan. Kemudahan perumahanlah yang menjadi daya penarik kepada mereka. Oleh itu, apabila mereka turun kerja, kerja mereka hanya sekadar ambil syarat agar mereka boleh terus tinggal dirumah yang disediakan oleh pihak majikan.

Untuk sektor perladangan dianggarkan sekitar 235,000 pekerja asing (samada yang bekerja secara sah atau tidak) berkhidmat setiap hari sebagai penuai. Jika setiap dari mereka menuai 1.5 mt FFB, bermakna setiap hari lebih kurang 350,000 mt FFB dituai oleh pekerja warga asing di Malaysia. Nilainya bersamaan RM 176.25 juta sehari atau bersamaan RM 4.5 billion sebulan. Jumlah ini akan meningkat kepada RM 5.8 billion jika kerajaan melonggarkan sedikit syarat untuk pengambilan pekerja asing bagi menampung kekurangan pekerja yang kritikal ini. Peningkatan RM 1.3 billion sebulan adalah besar serta dapat menjana kegiatan ekonomi Malaysia. Kalau nak mengharapkan pekerja tempatan untuk ambil buat sawit?....lingkuplah

jawabnya.

By GravityAuthor Profile Page on May 28, 2010 10:11 AM

YABhg Tun'

Please allow me to comment briefly on behalf of fellow HR practitioners and administrators involved in hiring foreign workers to fulfill the manufacturing demands and somehow or rather meet our gross capita to a higher level since industrialisation took place 30 years ago. Most of our community that are not involved in the hiring sectors might not really understand the predicament that hiring professionals face right now. Frankly' we do share the feelings of our fellow malaysians of looking into our very own people for the jobs but the fact is our locals are not so keen to stay over a period longer and the mobility is so much active so ever. In addition to the fact that we are moving towards new emerging sectors the competition among existing and new enterprises to fill the shortage is tremendously felt. If we neglect the demands now, then these sectors would also contribute to turn bankrupt even less than 9 years from now. I remember Tun once said our population should rise to over 70 million in a shorter time to accomodate the global growth and this vision is temporary envisaged by hiring of these foreign workers. For now we dont have a choice. We will have to keep our bay' attached and economically speaking the outflow of our currency is much much lower than the inflow.

By Daam ZainudinAuthor Profile Page on May 28, 2010 9:59 AM

Salam Tun,

Saya rasa kebanjiran pekerja asing telah banyak memberi masalah pada negara..pekerja asing lebih suka tinggal melebihi tempoh permit kerja mereka..mengapa? bg saya ianya adalah human nature to break the law..tp mereka tidak akan fikirkan kesan kepada orang lain, mereka hanya mahukan keuntungan atau kebaikan kepada mereka. Saya pernah bekerja di Penang suatu masa dulu..bila saya tanya pekeja asing yg dah tua dari bangladesh berapa lama dia duduk kat malaysia, dia cakap dah 20 tahun dah..Saya rasa kebanyakan daripada mereka lebih suka tinggal di sini berbanding dari negara mereka. Di sini ada wang, ada tempat tinggal yg lebih bagus daripada di sana.

Saya mencadangkan kerajaan memperkenalkan sistem baru dalam menangani masalah ini:

1. Setiap pendaftaran akaun bank oleh pekerja asing mestilah selari dengan tempoh mereka disini. Bila permit dah habis, secara automatik bank dapat trigger dan bekukan aset mereka.
2. Oleh kerana ramai daripada mereka yg bekerja buruh dan gaji masuk tidak melalui bank, saya mencadangkan satu lagi sistem harus diperkenalkan iaitu- kewajiban membuka akaun bila mana mereka melangkah masuk bersama permit kerja di sini. Dan hukuman baru kepada majikan yg gagal mendaftarkan atau membayar gaji melalui bank. Kita berada di zaman yg lebih berteknologi sekarang, setiap langkah mereka seharusnya berada di hujung jari..

Tapi Tun, saya ada satu soalan buat Tun,

Kerajaan Malaysia adalah antara negara paling banyak memberi subsidi pada rakyatnya, tetapi

taraf hidup dan ekonomi rakyat menjadi statik ataupun pertumbuhannya agak perlahan daripada sepatutnya. Mengapakah subsidi diberikan melalui pengawalan harga semata-mata? Tetapi sudah tentu subsidi untuk petrol adalah yg paling ketara dikeluarkan. Jadi saya harap subsidi ini jika mahu dikurangkan atau ditarik balik, kerajaan mestilah menghapuskan salah satu cukai yang paling membebankan rakyat. Saya tidak pasti yang mana satu yang harus di buang, tetapi saya tahu Tun jauh lebih mengetahui berbanding saya.

Apapun saya harap High Speed Railway patut dibina di setiap laluan PLUS oleh kerajaan agar PLUS terpaksa bersaing harga dengan kerajaan. PLUS berseorangan, terus melangkah maju dan mencapai keuntungan tanpa perlu memikirkan persaingan. Rakyat yang merana.

By musatoAuthor Profile Page on May 28, 2010 9:50 AM

Assalamualaikum Tun.

Satu perkara yang besar akan terjadi ialah bila takde kerja bawahan dilakukan maka tiada juga pengeluaran produk. Pihak atasan yang juga pekerja Malaysia juga akan hilang mata pencarian macam kata Tun.

Kita bagilah sedikit ruang untuk pekerja asing kerja di Malaysia.

Pada warga Malaysia yang sudi bekerja janganlah pula kita memandang terlalu rendah pada kebolehan mereka yang kita sendiri tak dapat buat. Saya kira pandangan kita pada makcik cleaner pun masih kotor.

Saya menyanjung tinggi orang-orang yang kerja menjaga kebersihan macam tukang angkut sampah dan tukang sapu di bahu jalan raya. Kebersihan itu separuh daripada iman.

Tiap manusia mempunyai hak tanggungjawab ke atas tubuh badan mereka sendiri. Tak kira Indon ke atau Bangla. Tengok Indon sanggup menyabung nyawa datang ke Malaysia mencari kerja.

Berserta dengan 'semangat yang panas' Indon menjadi juara dalam pembikinan bangunan tinggi. Tak pakai tali pinggang keselamatan pun takpe kerana mereka tak gayat berada di tingkat tinggi. Mungkin sebab semangat mereka tu memang panas kot.

Tubuh badan hanyalah sebagai tunggangan untuk sampai ke tempat tujuan. Tapi dengan itulah kita merasa apa itu sihat, segar dan nikmat menyedut oksigen. Dan yang paling penting menjaga kesihatan akal fikiran.

Memberi peluang pekerjaan pada setiap manusia amat besar maknanya bukan setakat bagi makan nasi. Pembahagian zakat, derma dan sedekah dapat menghindarkan manusia dari melakukan maksiat, meninggalkan tanggungjawab dan menjadi tempat hadirnya mubaligh-mubaligh yang mengambil kesempatan.

Maka adalah menjadi perkara yang wajib untuk setiap insan berusaha dan memanfaatkan rezeki yang diperolehi bagi menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Terima kasih Tun.

By Daam Zainudin Author Profile Page on May 28, 2010 9:41 AM

Salam Tun,

Saya rasa kebanjiran pekerja asing telah banyak memberi masalah pada negara..pekerja asing lebih suka tinggal melebihi tempoh permit kerja mereka..mengapa? bg saya ianya adalah human nature to break the law..tp mereka tidak akan fikirkan kesan kepada orang lain, mereka hanya mahukan keuntungan atau kebaikan kepada mereka. Saya pernah bekerja di Penang suatu masa dulu..bila saya tanya pekeja asing yg dah tua dari bangladesh berapa lama dia duduk kat malaysia, dia cakap dah 20 tahun dah..Saya rasa kebanyakan daripada mereka lebih suka tinggal di sini berbanding dari negara mereka. Di sini ada wang, ada tempat tinggal yg lebih bagus daripada di sana.

Saya mencadangkan kerajaan memperkenalkan sistem baru dalam menangani masalah ini:

1. Setiap pendaftaran akaun bank oleh pekerja asing mestilah selari dengan tempoh mereka disini. Bila permit dah habis, secara automatik bank dapat trigger dan bekukan aset mereka.
2. Oleh kerana ramai daripada mereka yg bekerja buruh dan gaji masuk tidak melalui bank, saya mencadangkan satu lagi sistem harus diperkenalkan iaitu- kewajiban membuka akaun bila mana mereka melangkah masuk bersama permit kerja di sini. Dan hukuman baru kepada majikan yg gagal mendaftarkan atau membayar gaji melalui bank. Kita berada di zaman yg lebih berteknologi sekarang, setiap langkah mereka seharusnya berada di hujung jari..

Tapi Tun, saya ada satu soalan buat Tun,

Kerajaan Malaysia adalah antara negara paling banyak memberi subsidi pada rakyatnya, tetapi taraf hidup dan ekonomi rakyat menjadi statik ataupun pertumbuhannya agak perlahan daripada sepatutnya. Mengapakah subsidi diberikan melalui pengawalan harga semata-mata? Tetapi sudah tentu subsidi untuk petrol adalah yg paling ketara dikeluarkan. Jadi saya harap subsidi ini jika mahu dikurangkan atau ditarik balik, kerajaan mestilah menghapuskan salah satu cukai yang paling membebankan rakyat. Saya tidak pasti yang mana satu yang harus di buang, tetapi saya tahu Tun jauh lebih mengetahui berbanding saya.

Apapun saya harap High Speed Railway patut dibina di setiap laluan PLUS oleh kerajaan agar PLUS terpaksa bersaing harga dengan kerajaan. PLUS berseorangan, terus melangkah maju dan mencapai keuntungan tanpa perlu memikirkan persaingan. Rakyat yang merana.

By hajime Author Profile Page on May 28, 2010 9:17 AM

salam bahagia dan semoga YABhg TUN sentiasa sihat..

pekerja asing ngan pekerja tempatan sangat berbeza dr segi komitmen kerja.. ini bukan pndpt saya semata-mata.. memang dah terbukti..

cuba tengok kat kedai makan, syarikat pembinaan, cuci bangunan..

mereka ini menisi kekosongan yang memang penduduk tempatan tak nak isi..tak percaya? cubalah tanya org yang tak keje knpa tak nak keje.. pekerja asing ini tak kira apa, cuti pun kerja.. cuti raya pun kerja.. o.t. pun rajin.. bukan nk nafikn rakyat tmptn dan kata semua pekerja tmptn tak berdaya saing.. tapi, klau mereka ni tak kerja, sape yg nak keje buat bangunan? dr pg sampai mlm, tgh2 panas tnpa rehat yg cukup?

By HBTAuthor Profile Page on May 28, 2010 8:56 AM

Good morning Ayahanda Tun,

1. I sincerely hope that Ministry of International Trade and Industry will look into this matter seriously by not repeating mistakes similar to the crash of 1997 financial turmoil.

2. During 1997 to 1998 crisis, MITI got carried away with their own political party's agenda (hanya main isu politik saja) neglecting the obstacles and problems faced by international trade and industry, hence these players have no choice but to move their production base to China and other countries which offer better benefits. (login youtube of ANwar talks like Rafidah Aziz and you will know why BN lost)

3. If MITI thinks that this human resource shortage of human resources are the problems of Kementerian Sumber Manusia, they are wrong.

4. If MITI continues neglecting human resources obstacles faced by these trades and industries, MITI will be labelled as "useless ministry".

5. No doubt, the money channel out by foreign labours from Malaysia reaches one billion. This amount of money could be just about 2%-3% of the total export values garnered from these industries.

6. When PEMANDU's Jala said the COUNTRY's budget deficit is too high and must be cut within 3 to 5 years, that doesn't mean that all ministries must cut expenses blindly (the usual Yes ma la) just to satisfy the current PM like what they have did during the 4th PM's premiership.

7. What Jala meant, to me as a rakyat, was when claiming that the country will go bankrupt in 9 years was to tell the rakyat (including the so many2 political parties), ministries and PM cum FM that the seriousness of such budget deficit problems IF WE continue 'ABUSING' and WASTING government funds, especially in the construction sector, assuming that the money belongs to 'A Gung', not my money, tak pa.....and Tun Pak Lah won 90% handsomely in PRU 11 because of this illusion.

8. Malaysia is moving into POST Industrialisation era due to Globalization trend, hence, the government must make sure its continuous spending in VALUE-ADDED DEVELOPMENT to prepare our civil servants (they are under Human Resource bracket/umbrella) academically and professionally to service the dynamic and friendliness of the domestic and global government and private sectors.

9. Please don't force the rakyat to make the CORRECT prediction that Malaysia government

indeed has addicted to the habit of 'pi mai pi mai tang tu', and Malaysia will sure back to square one after spending huge government funds of RM74billion last year (this figure is not the lebih kurang figure, it is a figure that is calculated using proven fiscal and monetary model and method base on Universal Norm of Human intelligence)

10. Greece Government is bankrupted by power abuse and wastage in government's sovereign debts, and this doesn't mean that the people of Greece are bankrupt.....

11. Due to globalization and internet's user friendliness, the young ones age 15 years above have their own formulated perception of X and Y generations. The X generations are those who are in the range 40 - 90 years old whereby LOYALTY to them are the UTMOST IMPORTANT value in sustaining their lifestyle. The Y Generation are the younger ones who favour BENEFITS, and they will ask WHAT ARE MY BENEFITS..... Remarks: X-axis = Horizontal/abg samuraimelayu, pls SOS me for this perkataan dalam Bahasa Melayu, Y-axis = Vertical/Menegak.....

12. Is Tanah Melayu Me-Layu or Mel-ayu to 1 Malaysians including Sabah and Sarawak since many bangsa2 have been in Tanah Melayu for a decade (100 years)????

Take care Ayahanda Tun. "Bodek-ing" strategy is outdated in the mind of the Y Generation due to Globalisation Challenges in Tanah Melayu as people are more and more educated. No matter what happens, 1 Malaysia's EDUCATION is the keys to un-lock Racial Conflicts and Anti-Value-Added Development to prepare us for WAWASAN 2020.....so that all 1 Malaysians including Sabahans and Sarawakians will be able to ride through stormy weather in preparing ourselves for the next challenges of GREEN ENVIRONMENT as a DEVELOPED Nation in the ASEAN, Asia and the GLOBE after 2020.....

P.S. Buah tempatan pisang kalau digorengkan akan menjadi sajian goreng pisang, satu sajian tempatan ber-value-added so that the mongers can sell this sajian tempatan at higher price by taking into calculation of rental, sumber manusia gaji pokok penjual di bawah hot sun selama 8 jam, minyak untuk goreng, petrol untuk transport ke ladang pisang, etc.....
By PastPresentFutureAuthor Profile Page on May 28, 2010 8:20 AM

My LEADER Dr,

Hope you're in the best of health and forever be blessed by God. This is my first time commenting on your writings and I hope you don,t mind if I address you as Doctor. And should anyone ask me what kind of PM do I want to lead Malaysia... I would surely reply a DOCTOR who can MANAGE a multi-racial country. OK... enough with English Language. From this point forward, saya akan menggunakan Bahasa Malaysia untuk setiap penulisan di blog Dr. Saya tak berapa pandai cakap 'orang putih'. Maklumlah lulus sekolah pondok je. Harap Dr tak kisah.

Berhubung dengan kebanjiran warga asing ke negara kita, saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Dr bahawa Malaysia masih memerlukan tenaga mereka untuk melengkapkan satu kitaran sesuatu proses. Namun saya melihat perkara ini dari perspektif yang mungkin berbeza dari warga Malaysia yang lain. Jika apa yang akan saya perkatakan ini tidak betul, saya minta maaf. Diharap Dr atau sesiapa sahaja sudi memberi teguran.

Saya berasa sedih melihat sikap dan pemikiran orang Melayu masa kini khususnya golongan yang berumur antara 18 - 25 tahun. Apabila negara kita dibanjiri pekerja asing pada awal tahun 80an, kita menerima mereka sebagai satu entiti untuk memacu kemajuan negara setelah berubah daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada perindustrian. Ramai pelabur luar datang ke Malaysia disebabkan tawaran harga buruh yang rendah. Nisbah pekerja asing dengan warga tempatan (orang Melayu) dalam sektor tertentu tidaklah begitu besar. Namun kerancakkan pertumbuhan ekonomi negara serta kewujudan industri baru pada awal 90an memerlukan tenaga kerja yang lebih ramai. Pekerja tempatan (orang Melayu) tidak mampu menampung permintaan pasaran yang tinggi pada waktu itu. Maka pihak kerajaan terpaksa menambah jumlah import tenaga kerja asing. Syarikat-syarikat besar yang diterajui oleh kaum Cina pula memberi keutamaan kepada pekerja asing disebabkan kos buruh yang rendah. Apabila jumlah pekerja asing di sesetengah sektor melebihi pekerja tempatan, orang Melayu mula melihat situasi ini sebagai satu ancaman kepada mereka. Oleh itu orang Melayu mula membuat persepsi negatif terhadap kaum Cina dengan menganggap mereka sebagai rasis. Manakala pekerja asing pula dianggap sebagai perampas pekerjaan orang Melayu.

Sebenarnya, orang Melayu telah membuat satu tafsiran yang salah. Mereka tidak mengkaji secara mendalam punca timbulnya sesuatu situasi. Orang Melayu seharusnya belajar daripada pekerja asing tentang sesuatu kemahiran yang dimiliki oleh mereka contohnya dalam bidang pembinaan. Pekerja asing khususnya dari Indonesia amat terkenal dengan kepakaran mereka dalam bidang ini. Kenapa kita salahkan 'tauke Cina' apabila kita tidak diambil berkerja dengan mereka? Semua jawapan sebenarnya ada dalam setiap diri orang Melayu itu sendiri. Malangnya mereka takut dan malu untuk mengakui kelemahan diri. Orang Melayu gagal meningkatkan kemahiran serta kecekapan pada diri masing-masing apabila diberi peluang. Jangan kita mudah melenting apabila kaum Cina mengatakan Melayu pemalas. Sebaliknya kita harus berfikir secara mendalam kenapa kita di label sedemikian rupa. Jika tanggapan itu memang benar, maka adalah menjadi tanggungjawab setiap orang Melayu untuk membuktikan bahawa tanggapan itu salah. Jalan terbaik ialah berusaha dengan lebih gigih sehingga ke satu tahap dimana kita suatu masa dahulu dianggap sebagai Melayu pemalas kini mampu menyaingi serta menggugat kekayaan mereka. Dr telah berusaha selama 20 tahun untuk merealisasikan perkara ini. Namun hasil yang diperolehi agak mendukacitakan. Bilangan orang Melayu yang berjaya dan mampu bersaing masih lagi jauh daripada angka yang diharapkan. Saya melihat orang Melayu sudah selesa menjual burger di tepi jalan. Melayu sudah berpuas hati dengan pekerjaan sebagai 'dispatch'. Melayu sudah seronok menjadi 'cashier' di kedai 24 jam. Melayu sudah berasa kuat apabila mampu melakukan aksi bodoh semasa merempit.

Jika Dr bertanya kepada saya kenapa kita masih lagi memerlukan pekerja asing di negara kita, maka jawapan saya adalah kerana pekerja tempatan khususnya kaum Melayu berada di tempat seperti yang saya nyatakan diperenggan atas. Melayu masih lalai dan terus berada dalam bidang pekerjaan yang tidak kompetitif.

Sebagai rumusan, orang Melayu perlu sedar tentang di mana kedudukan mereka pada hari ini samada dari segi pendidikan, ekonomi, politik atau apa sahaja bidang. Jangan cemburu atau dengki apabila melihat kaum Cina mengaut keuntungan negara. Sebaliknya, belajar daripada mereka, bertanya kepada mereka bagaimana mereka boleh berjaya. Saya berterima kasih kepada

Dr kerana dengan dasar yang dirancang oleh beliau lah yang telah merubah paradigma saya.
Terima kasih Dr.

Kepada semua kaum yang berada di Malaysia, tolong jawab soalan di bawah dengan jujur:

APAKAH PENCAPAIAN ORANG MELAYU YANG BOLEH DIBANGGAKAN SEHINGGA KE HARI INI TANPA BANTUAN POLITIK???

By ogos31 Author Profile Page on May 28, 2010 8:17 AM

Salam Tun,

Saya faham kerisauan tun, tetapi personal view saya adalah ada baiknya kerajaan hentikan sahaja pengambilan pekerja asing buat sementara waktu....sekiranya pengabilan pekerja asing diteruskan kebimbangan saya adalah kita akan banyak mendapat keburukan daripada kebaikan.

Masyarakat malaysia sudah menjadi terlalu manja...dan utk menjadi negara maju Manja is not the right attitude.

Kepada kerajaan yang dipilih....anda berada di atas dengan hanya satu sebab which is to serve the country....if u cant handle this responsibility by all means please step down and find some one who can do the job...

Kebelakangan ini saya dapati trend pemimpin kita buat statement cukup menghiburkan hati....timbangan menteri akan mengeluarkan cadangan yang tidak popular kemudian apabila reaksi masyarakat negatf...menteri pula akan jadi hero n say cancel the plan...ie..tengok sahaja isu lesen perguruan, gst, subsidi minyak etc

Harap-harap isu pekerja asing ini dapat diatasi dengan cadangan dan inisiatif yang lebih mesra rakyat

By Klose Author Profile Page on May 28, 2010 6:05 AM

Salam sir,

What is really needed is for us to create, expand and increase our industry towards providing higher value jobs. Jobs where Malaysians can take over.

I have yet to see the blueprint of this coming out of the current admin. MSC was a brilliant idea, but is rather dead in its intentions for now(Mahathir Sudah Cabut). National KPI is a good start, but it will take a long time for anyone to create a billion ringgit industry specifically for knowledge workers. Currently for knowledge worker, either you work in small size unsecured company or Multinational Giants which makes you contributing your intellectual property to them. We have yet to produce the protons of ICT industry.

And why do we actually need a brain gain program, where you call back Malaysians overseas. One of my suggestions:- We should be encouraging potential entrepreneurs overseas to be local resident and let them bloom. We should also encourage capable Malaysians to work overseas

and bloom (ie create ASB just for them, partner with MNCs to enable this win win situation) since their heart will always end up in Malaysia. Like how diaspora of Indians does it on the outsourcing industry.

Innovation based economy initiative is a better word then multimedia or knowledge based economy, but really what innovative plans do we have.

By mraziqAuthor Profile Page on May 28, 2010 4:56 AM

Asalamualaikum Tun.

Izinkan saya memberi pandangan saya terhadap masalah pekerja asing di negara kita.

Pada dasarnya, kerajaan dan pihak peniaga juga perlu prihatin terhadap rakyat Malaysia. Rata rata kebanyakan mereka ingin mengaut keuntungan yang lebih dengan menawarkan gaji yang rendah pada rakyat. Apakata kalau pengusaha merubah tahap tangga gaji minima ke paras yang menarik dan menawarkan imbuhan yang lebih mengikut hasil keluaran kerja mereka. Apabila tinggi pengeluarannya, tinggi lah pendapatan pekerja. Kadangkala, pekerja tidak memandang pada gaji sahaja, tetapi imbuhan keseluruhan termasuk subsidi ubat ubatan dan hospital.

Saya pernah bekerja sebagai penyelia di kilang selepas habis kolej pada akhir 1980. Rata rata, mentaliti pengusaha tidak berubah sehingga sekarang. Mereka sanggup buang pekerja lama yang berpengalaman dan menggantikan dengan yang baru untuk mengurangkan bebanan syarikat agar boleh mendapat keuntungan yang lebih. Mereka tidak mementingkan mutu perkhidmatan ataupun mutu barangan hasil kilang mereka. Yang pentingnya, untung mesti lebih. Mereka menawarkan gaji yang rendah agar rakyat Malaysia tidak minat untuk berkerja di syarikat mereka. Apabila tiada pekerja, peniaga/pengusaha merayu pada kementerian tertentu untuk meluluskan permit membawa masuk pekerja asing ke Malaysia.

Perkara ini amat menyedihkan tetapi apa boleh buat kerana ini adalah permainan dunia globalisasi zaman ini.

By sadirAuthor Profile Page on May 28, 2010 1:13 AM

salam yg mulia TUN,

Kesempatan ini saya mengambil dasar kerajaan kerap berubah.tidak konsisten dalam byk pekara.secara tak lansung fdi akan terus jatuh.

azam kerajaan utk meningkatkan pendapatan adalah dengan melahirkan syrikat gergasi seperti jepun atau korea.membantu bukan menyekat.cukai pendapatan itu boleh digunakan utk meransang economy.

dasar tiba tiba tiada discount untuk penyalah trafif hanya meningkatkan rasuah,itu sekadar contoh.

tanpa meningkatkan pendapatan perkapita,kini pula nak kurangkan supsi minyak dan sebagainya.duit rakyat yang disalah guna,contoh sime derby cukup untuk menampung subsidi.

kerajaan sepatut mesti efisien untuk mentakbir wang negara.

rakyat tidak sepatutnya dijadikan batu lonjatan menutup kelemahan pengurusan kewangan.

By kuthe2Author Profile Page on May 27, 2010 11:39 PM

Salams Tun,

Siapa laa yang pi larangan jabatan kerajaan buat khusus kat Langkawi nihh..

Sampai macam tu sekali.? Dasar ini semua bukan kah kerajaan pusat ka yang buat.? Sbb kalo kerajaan negeri mesti lagi mengalu- alukan fasiliti di negeri digunakan tak kira darjat mahupun bangsa..

Adakah sebab Negeri Kedah dan Langkawi di bawah pemerintahan PR.? Inikah sebabnya tak nak lagi spent kat Langkawi.? Double standard.

Adakah ini cara PICIT kerajaan pusat to PR state.? Picit mcm ni walau tak sakit tapi amat perit.. Sebab picit ni kena kat poket..

Bagi saya kira Zalim laaa... 1 Malaysia habuan depa saja laa... Sebab sakit ati kat orang dah.. buat ketidak adilan.. Hati- hati la sekiranya ada pangkat besag tapi ambil mudah tanggungjawab yang disertakan dengan jawatan.. Buat kat orang susah.. Naya orang.. Tak Baik.. Oooo..

Walaubagaimanapun... Salam sejahtera Tun dan semoga kita senantiasa berada dalam Rahmat Nya..

Salams

kuthe

By shahrulAuthor Profile Page on May 27, 2010 11:21 PM

perkerja buruh asing dibayar gaji rendah dari pekerja buruh tempatan, tetapi perkerja eksekutif/pengurusan asing dibayar gaji tinggi (3x-5x) dari pekerja eksekutif/pengurusan tempatan. Harap2 rakyat Malaysia "redha" dengan sinonim ini...

By Prof RibutAuthor Profile Page on May 27, 2010 11:12 PM

Assalamualaikum Tun Mahathir dan pembaca blog sekalian.

Pada pandangan saya, masalah utama pada rakyat Malaysia yang tidak berminat menggantikan kerja buruh pekerja asing adalah kerana bayaran yang dikenakan terlalu rendah. Saya secara peribadi pun tidak berapa gemar negara kita terlalu ramai pekerja asing yang bukan professional sebab itu akan menyebabkan berlakunya peningkatan kadar jenaya di dalam negara kita.

Pada pandangan saya, untuk membolehkan rakyat Malaysia berminat menggantikan kerja-kerja yang dilakukan oleh pekerja asing ini, gaji yang dibayar kepada rakyat Malaysia mestilah setimpal dengan taraf hidup di negara kita. Untuk itu keadaan ekonomi di Malaysia mestilah baik seperti banyak di negara lain. Cuba bayangkan kerja-kerja buruh di sesetengah negara seperti di Australia banyak dilakukan oleh rakyatnya sendiri. Sebagai contoh, kerja yang dilakukan oleh pekerja buruh yang menjaga lalulintas untuk membolehkan sesebuah lori atau kenderaan

pembinaan bergerak dibayar dengan gaji lumayan mengikut kiraan jam.

Bagi negara lain seperti di United Kingdom, pada pemerhatian saya pada tahun 2003 sewaktu saya berada disana, bayaran gaji yang dibayar kepada pelajar lepasan ijazah sarjana muda di UK pada ketika itu adalah dalam lingkungan 1800 pound. Manakala di Malaysia pada ketika itu juga lepasan ijazah dibayar dengan gaji secara purata RM1800. Tetapi walaupun dari segi angka bayaran gajinya adalah sama, tetapi harga barang di UK pada ketika itu dengan mempunyai wang 20 pound seseorang itu mampu membelanja sehingga memenuhi sebuah troli untuk bekalan makanan selama seminggu. Tetapi di Malaysia dengan wang sebanyak RM20 apakah yang dapat dibeli oleh seorang rakyat Malaysia untuk menyara hidup dalam tempoh seminggu?

Pekerja asing di Malaysia biasanya dibayar dengan gaji yang sangat rendah yang mana akan menyebabkan rakyat Malaysia yang dibayar gaji sedemikian akan hidup melarat sebab harga barang di Malaysia adalah sangat tinggi jika dibandingkan dengan jumlah wang yang diperolehi. Tetapi di negara seperti UK, pekerja buruh yang dibayar gaji rendah, masih boleh merasa hidup mewah dan tidak menjadi melarat dengan wang yang diperolehi mereka.

Jadi pada rumusannya segala-galanya adalah merujuk kepada keadaan ekonomi sesebuah negara. Kedudukan ekonomi negara kita masih berada pada tahap yang kurang memuaskan untuk membolehkan kita tidak bergantung kepada tenaga buruh asing. Sekian pandangan saya.
By life is not a fairy tale dude Author Profile Page on May 27, 2010 10:35 PM

Seharusnya hanya pekerja asing yang mempunyai permit kerja dan paspot patut dibenarkan bekerja. PATI patut ditangkap dan dihantar balik ke negara asal mereka kerana mereka ini membahayakan keselamatan rakyat Malaysia.

Jesus Christ is not the same as Allah.
By JB_FROM Author Profile Page on May 27, 2010 10:31 PM

Tun,

Negara maju seperti USA pun mengambil pekerja asing (dari Mexico) begitu juga negara maju dan jiran yang lain.

Negara kita seharusnya lebih praktikal dalam isu ini dan kita tidak seharusnya mengikut sentimen.

Kemungkinan besar terdapat kesan-kesan negatif daripada memasukkan pekerja-perkerja asing. Mungkin pekerja-perkerja ini boleh dikelompokkan pada satu kawasan supaya mereka dapat dikawal.

JB_From
By nahar Author Profile Page on May 27, 2010 10:19 PM

Salam Perjuangan Tun;

******(Kalau tenaga buruh sukar diatasi, pindahkan saja industri kita itu ke negara sedang membangun lain yg banyak tenaga buruh murah seperti dilakukan Amerika dan Eropah)******.

TENAGA BURUH adalah antara faktor penting untuk perkembangan aktiviti ekonomi bagi sesebuah Negara, terutama dalam bidang pembuatan/perkilangan, pembinaan, perlombongan, perladangan, perkhidmatan dan lain-lain lagi.

Walaupun ROBOT boleh digunakan dalam sesetengah bahagian perusahaan; namun bahagian-bahagian tertentu lainnya masih perlukan tenaga manusia.

********Penggunaan robot dan buruh asing berarti matlamat Negara untuk mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan akan tersasar dan tidak menjadi kenyataan...?********

Tetapi sebagai seorang pengusaha; masalah buruh kerap merunsingkan dan memeningkan kepala kerana boleh mengganggu kelancaran kerja.

Dalam bidang perusahaan tertentu; KEPERLUAN TENAGA BURUH ASING MASIH RELEVANT dan DIPERLUKAN kerana tidak ramai PEKERJA TEMPATAN yang BERMINAT dan TAMPIL MELIBATKAN DIRI, terutama dalam bidang BURUH KASAR.

Dalam bidang pembinaan dan perladangan umpamanya hampir 80 peratus keperluan tenaga buruh adalah pekerja asing.

Dalam bidang INDUSTRI PEMBUATAN pula; walaupun robot banyak digunakan namun dalam bahagian tertentu lainnya tenaga manusia masih juga di perlukan.

Negara Barat dan Amerika telah menghadapi masalah buruh ini lebeh awal kerana sikap pekerja tempatan yang memilih pekerjaan(tidak minat pekerjaan peringkat rendah) dan mahukan gaji yang tinggi.

Bagi mengatasi masalah ini, Amerika dan Eropah telah membuat pilihan dengan memindahkan aktiviti pengeluaran tertentu ke negara dunia ketiga yang tidak memerlukan kemahiran tinggi(tapi perlukan tenaga buruh kasar yang ramai).

Pengeluaran yang dipindahkan adalah bentuk barangan SEPARUH SIAP ke Negara-negara sedang membangun(Afrika, Amerika Latin dan Asia). Barangan separuh siap itu dibawa balik ke Negara asal untuk dijadikan BARANGAN SIAP untuk dieksport semula pada harga yang mahal.

Malaysia juga boleh meniru Barat dalam menghadapi masalah tenaga buruh ini dengan memindahkan sebahagian aktiviti pengeluaran ke Negara lain yang banyak tenaga buruh dan kos gaji yang murah(seperti dilakukan oleh S'pura - walaupun sebahagian tenaga buruhnya diambil dari Malaysia).

Tetapi malangnya tidak banyak industri CIPTAAN MALAYSIA sendiri yang boleh dipindahkan, kucuali atau barangkali dalam bidang perladangan(seperti kelapa sawit di Indonesia, Afrika dan beberapa Negara Asian lain.

By fathiadhaAuthor Profile Page on May 27, 2010 9:10 PM

pekerja asing di Malaysia ramai... sehinggakan terasa asing berada di negara sendiri...

By prof.wafiAuthor Profile Page on May 27, 2010 8:18 PM

Salam Tun,

Saya amat bersetuju dengan Tun.

Masalah sebenar dalam krisis ini adalah sikap.

Kita mempunyai undang-undang yang bagus dalam pelebagaan. Kita mempunyai sistem pemerintahan yang unggul. Tetapi, individu yang melaksanakan sistem tersebut adalah individu yang kurang bijak. "Good game, bad player". Kalau semua pihak menjalankan tanggungjawab dan amanah masing-masing dengan ketinggian moral dan etika, ini tidak menjadi masalah.

Penguatkuasaan undang-undang adalah sangat penting. Hari ini, undang-undang tidak ditakuti, tidak dihormati. Yang ditakuti hanyalah Polis, Rela, dan sebagainya. Mereka tetap akan buat salah sekiranya tiada Polis, inilah sikap kita. Kejatuhan moral.

Perlu diingat Kuala Lumpur hari ini, adalah hasil kerja tangan pendatang asing. Usah berbangga dengan idea dan perancangan sahaja, kita harus bersyukur kita mempunyai mereka.

Walaubagaimanapun, setiap pintu yang dibuka, pasti mempunyai kebaikan dan keburukan yang perlu dinilai dalam jangka masa panjang dengan mengambil kira segala faktor berangkai mahupun tidak tanpa mengabaikan "key player". Keputusan yang memberi kebaikan yang lebih harus diberi penekanan.

Usah menyalahkan pihak lain, apabila tidak diberi ruang, walau telah diberi peluang.

Wassalam.

Wafi

UTP

010-3888095

By sitinurAuthor Profile Page on May 27, 2010 8:15 PM

Asalamualaikum...

yg saya nampak n tau kt kilang saya pekeja asing di jamin dapat buat o.t 7 hari seminggu pekerja tempatan cuma dapt tempias jer...

ramai org tempatan yg nak kerja tp org atas kata pekerja asing lebih rajin n fokus....

tapi tak kira pekerja asing atau tempatan kalo seseorang tu dah malas sejak azali sampai bungkus pun takder saper dapat ubah perangai malas mereka....sama gak yg kaki minjam berapa pun gaji tak akan cukup....rasanya org m'sia tak berminat kerja2 rencam/kasar ni sbb org m'sia cenderung memandang rendah kpd pekerjaan org lain...ntah lerrr...yg penting hidup jgn menyusahkan diri n org lain....dapat 'A' meleret pun akhirnya jadi penipu buat ape....errr.....

Source: <http://chedet.co.cc/chedetblog/2010/05/pekerja-asing.html>